

MAIN PETERI SEBAGAI SEBUAH BENTUK
DRAMA TERAPI MELAYU DI KAMPUNG LAUT,
TUMPAT

MUHAMMAD AMIRUDDIN BIN AZHAR

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN

KEPUJIAN

2022



MAIN PETERI SEBAGAI SEBUAH BENTUK
DRAMA TERAPI MELAYU: KAJIAN KES DI
KAMPUNG LAUT, TUMPAT

OLEH:

MUHAMMAD AMIRUDDIN BIN AZHAR

Projek Penyelidikan Ini Diserahkan Untuk Memenuhi Syarat
Kelayakan Bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan
Dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN TESIS


Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



Tandatangan Penyelia Utama



980201-03-5805

DR NORAZLINDA BT MOHAMED ROSDI

Tarikh: 22/2/2022

Tarikh: **26/02/2022**

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS CERTIFICATE

I hereby certify that the work contained in this thesis is the result of original research and has never been submitted by a higher degree to any University or institution..

OPEN ACCESS I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)


CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972)*

RESTRICTED (Contains limited information set by the organization where the research is conducted)*

I acknowledge that Universiti Malaysia Kelantan has the following rights:

1. Thesis is the property of Universiti Malaysia Kelantan.
2. Universiti Malaysia Kelantan Library has the right to make copies for study purposes only.
3. Libraries are allowed to make copies of this thesis as exchange material between educational institutions

Signature



Signature of Principal Supervisor



980201-03-5805

DR NORAZLINDA BT MOHAMED ROSDI

Date: 22/2/2022

Date: **26/02/2022**

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur terhadap Allah S.W.T di atas limpah dan kurnia-Nya yang membolehkan saya menyiapkan projek penyelidikan ini walaupun telah menempuhi cabaran terutamanya wabak pandemik yang melanda sekarang.

Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi kerana telah banyak membantu saya dengan memberi sokongan, dorongan, bantuan serta bimbingan kepada saya terutamanya dalam menyiapkan kajian ini. Semoga Allah S.W.T melimpahkan keberkatan kepada beliau.

Ucapan terima kasih saya tujukan juga kepada panel iaitu Dr. Suraya Binti Sukri dan Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan kerana telah memberi nasihat dan komen mengenai kajian saya ketika proses pembentangan. Seterusnya, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Azhar bin Mohd Yusoff serta Puan Hanisah Binti Zakaria yang banyak memberi sokongan moral serta fizikal dan dorongan kepada saya dalam menyiapkan tesis ini.

Tidak dapat dilupakan juga ucapan terima kasih kepada Encik Mohammad Zahiruddin dan responden kerana sudi memberikan maklumat terperinci sekaligus membantu saya menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada sahabat seperjuangan saya kerana banyak membantu dan memberi sokongan moral serta idea dalam menyelesaikan kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

MAIN PETERI SEBAGAI SEBUAH BENTUK DRAMA TERAPI MELAYU DI KAMPUNG LAUT, TUMPAT

ABSTRAK

Kajian ini berdasarkan persembahan Main Peteri sebagai sebuah bentuk drama terapi Melayu di Kampung Laut, Tumpat. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui sejarah dan perkembangan Main Peteri di Negeri Kelantan serta mengenalpasti fungsi Main Peteri serta unsur mistik yang terdapat dalam seni persembahan ini. Selain itu, dalam kajian yang dilakukan ini dapat mengkaji usaha dalam memelihara dan memulihara seni persembahan Main Peteri yang merupakan salah satu warisan di Negeri Kelantan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif dan kuantitatif. Disamping itu, kajian menggunakan kaedah pengumpulan data melalui pelbagai jenis antaranya temubual, kajian lapangan, kaedah perpustakaan dan rujukan Internet. Oleh itu, tujuan projek penyelidikan ini dijalankan juga bertujuan menjelaskan cadangan kepada pihak berwajib supaya seni persembahan Main Peteri ini terus dipelihara dan terjaga supaya dapat dipromosikan secara meluas sehingga generasi akan datang.

Kata Kunci: Main Peteri, sejarah dan perkembangan, unsur mistik, memelihara dan memulihara, Kelantan

MAIN PETERI AS A FORM OF MALAY THERAPY DRAMA IN KAMPUNG LAUT, TUMPAT

ABSTRACT

This study is based on the performance of Main Peteri as a form of Malay therapy drama in Kampung Laut, Tumpat. This study was conducted to know the history and development of Main Peteri in Kelantan as well to identify the function of Main Peteri as well as the mystical elements found in this performing art. Moreover, this study also are able to learn about the effortness towards preserving and conserving Main Peteri which is one of the heritage in Kelantan. The method used in this study are qualitative and quantitative. In addition, the study used the method data collection through various types among them for example interviews, field studies, library methods and internet references. Therefore, the purpose of this research project is to explain and give some suggestions to several department especially in making Main Peteri performance art to be maintained and even to promote more widely until the next generation.

Keywords: Main Peteri, history and development, mystical element, preserve and conserve, Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
THESIS DECLARATION	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI PETA	x
SENARAI CARTA PAI/GRAF	xi

BAB I	PENDAHULUAN	HALAMAN
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	6
1.2	Permasalahan Kajian	6
1.3	Persoalan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Skop Kajian	8

1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Kerangka Teori	11
1.8	Kesimpulan	12
BAB II	SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.0	Pengenalan	13
2.1	Kajian Lepas	18
2.2	Teori Simbol	19
2.3	Teori Persepsi	20
2.4	Kesimpulan	21
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pengenalan	22
3.1	Pendekatan	23
3.2	Reka bentuk kajian	25
3.3	Unit Analisis	25
3.4	Kaedah Kajian	26
	3.4.1 Kualitatif	
	3.4.2 Kuantitatif	
3.5	Teknik Pengumpulan Data	27
	3.5.1 Data Primer	28
	3.5.2 Data Sekunder	28

	3.5.3 Sumber Perpustakaan	29
3.6	Persampelan Kajian	30
3.7	Analisis Data	31
3.8	Kesimpulan	32
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	33
4.1	Dapatan Kajian	39
	4.1.1 Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Main Peteri di Tumpat	
	4.2.1 Membincangkan Langkah Dan Usaha Untuk Mengekalkan Persembahan Main Peteri di Tumpat	40
4.3	Penerimaan Masyarakat Kini Terhadap Main Peteri Terutamanya Di Tumpat	48
	4.3.1 Bahagian A: Demografi Responden	
	4.3.2 Bahagian B: Kesedaran Masyarakat Mengenai Main Peteri Di Tumpat	52
4.4	Kesimpulan	54
BAB V	PENUTUP	
5.0	Pengenalan	55

5.1	Perbincangan	57
5.2	Cadangan Dan Saranan	57
	5.2.1 Cadangan Di Peringkat Masyarakat	58
	5.2.2 Cadangan Di Peringkat Sekolah Dan Universiti	58
	5.2.3 Cadangan Di Peringkat Kerajaan	59
5.3	Kesimpulan	60
	BIBLIOGRAFI	61
	LAMPIRAN	63

SENARAI GAMBAR

NO GAMBAR		HALAMAN
Gambar 1	Carta Alir 1: Reka Bentuk Kajian	24
Gambar 2	Beras Kunyit Bahan Yang Digunakan Dalam Main Peteri	35
Gambar 3	Iringan Lagu Oleh Pengikut Tok Teri	36
Gambar 4	Temubual Bersama Encik Mohammad Zahiruddin	37
Gambar 5	Kemeyan	38
Gambar 6	Daun Sireh	39
Gambar 7	Dewan Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan	41
Gambar 8	Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)	43
Gambar 9	Pakaian dan Alatan Muzik Persembahan Main Peteri	43
Gambar 10	Rawatan Tradisional Main Peteri	50
Gambar 11	Pementasan Teater Main Peteri	52

SENARAI PETA

NO PETA		HALAMAN
Peta 1	Lokasi Kajian Kampung Laut, Tumpat	25

SENARAI CARTA PAI/GRAF

NO CARTA PAI		HALAMAN
Carta 1	Carta Pai Umur Responden	45
Carta 2	Carta Pai Jantina Responden	46
Carta 3	Carta Pai Bangsa Responden	46
Carta 4	Carta Pai Taraf Pekerjaan Responden	47
Carta 5	Carta Pai Taraf Pendidikan Responden	48

SENARAI GRAF

NO GRAF		HALAMAN
Graf 1	Graf Soalan Mengenai Adakah Main Peteri Diamalkan	49

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Kelantan merupakan salah satu daripada 13 buah negeri yang berada di Malaysia. Negeri Kelantan terletak di sebelah pantai timur Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Negara Thailand. Terdapat 11 buah jajahan di bawah Negeri Kelantan iaitu Jajahan Pasir Mas, Pasir Puteh, Tumpat, Bachok, Machang, Kuala Krai, Jeli, Tanah Merah, Lojing, Gua Musang dan Kota Bharu. Kota Bharu merupakan pusat bandaraya bagi Negeri Kelantan serta pusat tumpuan ekonomi dan sosial.

Asal usul Negeri Kelantan dikatakan dikenali dengan pelbagai nama sebelum nama 'Kelantan'. Menurut Muhammad (1975), berdasarkan cerita rakyat, Kelantan berasal daripada dua perkataan Melayu iaitu 'Gelum' dan 'Hutan' iaitu sejenis hutan paya atau nama saintifiknya *Melaleuca Leucadendron*. Pada zaman dahulu, dikatakan bahawa kawasan hutan paya banyak meliputi persisir pantai di kawasan 'Kelantan' pada masa itu. Menurut cerita rakyat Kelantan juga, nama 'Kelantan' diambil daripada perkataan 'kilatan'. Menurut Rentse (1994), dikatakan Raja Patani telah turun ke pantai lalu melihat laut menuju ke daratan di selatan yang berkilauan di bawah sinar matahari seperti kilat, lalu baginda berseru, 'Kilat-Kilatan'. Sejarah tradisional Negeri Kelantan menyatakan 'Kelantan' berputik daripada perkataan 'Kelang Tang', sebutan orang-orang Pattani, Thailand yang bermaksud tempat tengah. Pada zaman dahulu, orang Thailand daripada daerah Pattani menjadikan 'Kelantan' sebagai satu tempat persinggahan yang terletak di tengah-tengah pelayaran mereka iaitu di antara Terengganu dan Negara Thailand.

Penemuan tapak arkeologi di Gua Jaya yang terletak di Gua Musang, Kelantan membuktikan bahawa penempatan manusia di Kelantan sudah wujud sejak zaman prasejarah. Menurut Peacock (1986), terdapat 1500 serpihan tembikar ditemui di Gua Jaya yang terdiri daripada pelbagai warna, bentuk dan ragam hias dalam kawasan pembakaran yang setebal 30 sentimeter serta kesan-kesan jelaga pada permukaan siling. Menurut Jaafar (2003), Gua Jaya telah dijadikan sebagai tapak hunian bagi masyarakat kebudayaan awal Neolitik dan masyarakatnya mempunyai kemahiran yang tinggi dalam membuat tembikar tanah.

Antara bukti awal mengenai kewujudan negeri Kelantan sejak zaman prasejarah telah menyebabkan pusat pemerintahan sering berpindah-randah. Sebelum Kota Bharu menjadi ibu negeri Kelantan, pusat pemerintahan terletak di beberapa tempat di Kelantan seperti di Kota Jembal, Kota Kubang Labu, Kota Pulau Saba dan Kota Pengkalan Galuh. Pada zaman dahulu, Kelantan tidak mempunyai nama tempat yang boleh diisytiharkan sebagai ibu negeri. Sebelum Kota Bharu dibuka, pusat pemerintah Kelantan terletak di Kota Pulau Saba iaitu bersebelahan dengan Kampung Cina. Sebagai ibu negeri Kelantan, Kota Bharu adalah lambang kepada negeri dan rakyatnya. Oleh itu, Kota Bharu sangat penting sebagai pusat budaya dan warisan bagi Negeri Kelantan. Budaya dan warisan Negeri Kelantan bukan sahaja dapat dilihat melalui seni bina yang diserlahkan oleh bangunan dan monumen bersejarah sahaja, bahkan dapat dilihat dari segi budaya dari zaman silam yang membentuk identiti masyarakat Kelantan sehingga sekarang.

Justeru itu, Negeri Kelantan yang kita kenali sebagai Cik Siti Wan Kembang sangat terkenal dan kaya dengan seni persembahan tradisional, permainan tradisional, serta makanan-makanan tradisional yang sedap, menarik dan unik. Bukan itu sahaja, Negeri Kelantan juga turut terkenal dari segi adat resam dan budaya mereka. Oleh itu, tidak hairanlah apa yang kita dapat lihat melalui budaya mahupun gaya hidup masyarakat Kelantan agak berlainan dengan budaya Melayu di tempat lain. Dalam kajian ini, akan mengkaji seni persembahan Main Peteri yang merupakan sebuah bentuk drama terapi

Malayu yang telah dimainkan oleh golongan masyarakat di Kampung Laut Tumpat, Kelantan. Seni persembahan merujuk kepada teori dan amali tari, muzik dan drama, serta teater dan filem. Seni persembahan merupakan sebahagian daripada industri kreatif dan budaya di samping merangkumi tenaga manusia kreatif, produk artistik dan kemudahan persembahan. Sumber tenaga kreatif pula meliputi pelaku seni, penganjur, pengeluar, pendidik, usahawan dan kakitangan teknikal dan pengurusan bagi menguruskan keseluruhan persembahan. Manakala kemudahan persembahan pula terdiri daripada ruang persembahan dalaman dan luaran seperti panggung, dewan konsert dan amfiteater. Persembahan Main Peteri atau lebih dikenali Main Puteri dan juga 'Main Teri' dalam kalangan masyarakat di Negeri Kelantan ini merupakan satu seni tradisi Melayu yang telah lama dimainkan oleh masyarakat di negeri Cik Siti Wan Kembang ini dan boleh dikaitkan dengan perubatan Melayu. Hal ini kerana, dalam persembahan Main Peteri ini, mereka akan memulakan upacara bertujuan untuk pengubatan semangat dan kejiwaan pesakit terbabit yang telah digunakan dalam masyarakat Melayu Kelantan atau lebih dikenali sebagai 'pelepas angin' terhadap pesakit berkenaan. Kebiasaannya, pada peringkat awal sebelum majlis dijalankan, ia akan dimulai dengan bacaan doa selamat yang mana individu yang merupakan watak penting iaitu Tok Puteri inilah yang akan mempersiapkan dirinya sambil membaca doa-doa tertentu, manakala individu bernama Tok Minduk akan dibantu oleh 10 sehingga 11 orang anggota yang mana mereka akan mengiringi Main Puteri dengan iringan tiupan serunai, pukulan rebab serta alatan lain seperti gendang ibu, gendang anak, canang dan sebagainya. Perkara ini akan dilakukan terlebih dahulu sebelum beras kunyit dan bertih akan ditabur dibeberapa ruang biasanya di setiap empat penjuru. Aktiviti atau lebih tepat rawatan yang akan dilakukan ini bermula pada waktu malam dan memerlukan tempoh biasanya dalam tiga jam atau lebih yang mana kadang-kadang boleh berlarutan sehingga pagi.

Seterusnya, Main Puteri ini akan melibatkan dua watak utama iaitu Tuan Puteri dan juga Tok Minduk. Kedua-dua watak ini telah diterangkan sebelumnya, namun begitu watak inilah yang akan memainkan peranan besar yang mana mereka akan bermain rebab dengan diiringi pukulan gendang ibu dan anak. Justeru itu, apabila Tuan Puteri tidak sedarkan diri, pada ketika itulah semangat halus akan memasuki ke dalam tubuhnya manakala Tok Minduk yang akan menyoal makhluk halus bagi memastikan punya penyakit misalnya. Semasa proses perubatan ini, Tok Teri akan berubah perwatakan

contohnya akan menjadi orang cacat, menjadi bengis, menjadi orang tua nyanyuk dan pelbagai watak lain bagi menceritakan kekusutan jiwa pesakit yang diubati pada ketika itu. Dalam pada masa yang sama, para penonton akan menyaksikan aspek lakonan semasa Main Teri ini dijalankan selain watak-watak ini dikatakan sangat menarik dan menghiburkan perhatian penonton. Di samping itu, elemen-elemen muzik akan mengiringi keupayaan Tok Teri dalam pelbagai rentak lagu yang dimainkan. Pada masa itu, terdapat lebih kurang 50 buah lagu yang telah dimainkan dalam Main Teri ini, tetapi berbeza pula pada masa kini yang mana dianggarkan kurang 10 lagu yang akan dimainkan. Kebiasaannya, lagu yang dimainkan ialah Lagu Pendekar, Kijang Mas, Lagu Abe dan sebagainya. Peringkat seterusnya adalah peringkat yang mana proses bacaan mantera dan padi akan dibakar selain beras kunyit akan ditabur pada keliling tempat persembahan yang dijalankan. Setelah itu, Tok Teri akan menjadi lupa dan mengikut iringan lagu yang telah dimainkan oleh panjak serta gelengan kepala Tok Teri kuat pusingannya mengikut rentak muzik. Pada ketika inilah biasanya pesakit yang tidak sedarkan diri akan bangun dan menari mengikut paluan muzik tersebut. Jikalau pesakit tersebut mempunyai angin pendekar, dia akan membuka langkah silat dengan Tok Teri terbabit. Kebiasaannya, jika pesakit memiliki angin untuk bertumbuk, maka dia akan mengajak untuk bertumbuk dengan Tok Teri itu. Biasanya, Tok Teri akan melayan angin pesakit tersebut. Dalam Main Teri ini, kita tahu bahawasanya alat muzik yang digunakan akan berada di hadapan Tok Teri yang mengadap Tok Minduk. Manakala Tok Minduk pula akan berada di sudut kawasan yang sesuai di yang mana alat-alat muzik berkenaan berada di sebelah kanannya.

Di samping itu juga, dalam seni persembahan Main Peteri ini, adanya kepercayaan masyarakat terhadap elemen-elemen magis bagi menyembuhkan pesakit yang dirawat dalam upacara Main Peteri ini. Hal ini kerana penggunaan magis ini telah menjadi sebahagian daripada kepercayaan masyarakat pada masa itu. Seperti yang kita sedia maklum, kepercayaan masyarakat zaman dahulu adalah terhadap animisme dan mereka percaya akan makhluk halus dan kuasa ghaib yang dapat membantu mereka. Mereka sangat percaya akan semangat alam contohnya haiwan, pokok dan sebagainya. Justeru itu, penggunaan magis ini akan memberi kesan kepada kehidupan seharian yang mana sebahagian daripada mereka akan menggunakan magis untuk kepentingan diri. Oleh itu, dengan kepercayaan ini, mereka telah menerapkannya dalam persembahan

tradisional seperti Main Puteri. Seterusnya, antara upacara yang boleh dikatakan sebagai magis ialah semasa upacara persembahan Main Peteri ini dijalankan yang mana mereka ada membuat pemujaan yang bertujuan semoga aktiviti yang dijalankan ini berakhir dengan sempurna dan tiada perkara atau kecelakaan akan berlaku. Pemujaan ini dilakukan sudah semestinya bagi menjamu makhluk halus dalam tempoh pengubatan dilakukan. Dalam erti kata lain, cara pemujaan ini dilakukan sebagai tanda berterima kasih kepada makhluk halus ini kerana membantu urusan Tok Puteri untuk menyembuhkan pesakit berkenaan. Dalam pemujaan ini, sudah pasti adanya ayat-ayat atau mantera yang dibaca untuk pemujaan berkenaan.

Selain itu, antara proses pemujaan yang biasa dilakukan ialah dengan menjamu ayam panggang, namun begitu, ia juga berdasarkan masalah yang dihadapi oleh pesakit, misalnya untuk membuang saka, kebiasaannya ayam panggang akan dijamu oleh Tok Puteri. Penyediaan ayam panggang ini disertakan dengan adanya pulut kuning atau lebih dikenali sebagai pulut yang memberi semangat kepada pesakit berkenaan. Proses berikutnya, pulut kuning tadi akan disuap supaya pesakit berkenaan dapat mengembalikan semangat dirinya itu. Terdapat juga bahan-bahan yang simbolik dengan pemujaan ini seperti sirih, kemenyan dan air bunga. Kegunaan kemenyan misalnya supaya Tok Puteri dapat menghalang makhluk halus dari melawannya supaya Tok Puteri yang merupakan bomoh pada ketika itu dapat menyelesaikan pengubatan tanpa gangguan. Sebagai contoh, kunyit perlu digunakan untuk mengurangkan suasana yang panas apabila selesainya pertarungan makhluk halus dengan Tok Puteri.

Lazimnya, walaupun persembahan Main Peteri merupakan rawatan tradisional yang diamalkan sejak dahulu lagi, terdapat perkara yang unik dalam persembahan tersebut kerana mempunyai unsur drama moden yang mana ia juga mempunyai tarian dan muzik yang dimainkan bersama. Oleh sebab itu, Main Teri ini dianggap sebagai bentuk persembahan yang penting dalam tradisi Kelantan-Pattani seperti mana permainan tradisional yang lain contohnya Mak Yong dan Wayang Kulit. Namun begitu, kini agak sukar untuk mencari seorang Tok Teri yang masih menjalankan tradisi

ini. Hanya beberapa daerah sahaja yang dikesan masih terdapat ahli kumpulan Main Teri iaitu di Pasir Puteh, Tanah Merah dan Tumpat. Justeru itu, Main Teri ini sebenarnya tidak boleh dijalankan atau membuat upacara tersebut seperti tradisi dahulu kerana diharamkan akibat terdapat unsur-unsur bacaan mantera dan jampi yang bertentangan dengan akidah Islam.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Isu yang dapat dikenalpasti menerusi kajian ini adalah cabaran dalam mengenengahkan seni persembahan tradisional Main Peteri yang semakin kurang mendapat sambutan daripada generasi muda kini. Buktinya hanya ada beberapa kumpulan sahaja yang masih aktif dalam persembahan Main Puteri ini di Kelantan contohnya di daerah Tanah Merah, Tumpat dan Pasir Puteh. Hal ini kerana generasi muda pada masa kini tidak lagi berminat untuk melibatkan diri dalam seni persembahan tradisional kerana faktor-faktor tertentu. Seperti yang kita sedia maklum, permainan Main Peteri ini telah diharamkan di Negeri Kelantan kerana bercanggah dengan hukum Islam kerana mempunyai unsur-unsur bertentangan seperti bacaan jampi serta mantera. Perkara ini secara tidak langsung telah menutup mata generasi muda untuk mengeksplorasi lebih mendalam tentang Main Peteri ini.

Selain itu, antara penyebab kurangnya generasi muda meminati persembahan tradisional ini kerana pada masa kini, banyak teknologi yang canggih dan permainan yang lebih moden seperti adanya telefon pintar, komputer, permainan *playstation* dan sebagainya telah menjadi penyebab untuk generasi kini tidak lagi menerokai permainan tradisional tersebut kerana bagi mereka ia ketinggalan zaman dan membosankan.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian yang telah didapati dalam kajian ini adalah:

- i) Bagaimanakah sejarah dan perkembangan Main Peteri di Tumpat?
- ii) Bagaimanakah penerimaan masyarakat kini terhadap Main Peteri terutamanya di Tumpat?
- iii) Apakah langkah dan usaha untuk mengekalkan seni persembahan Main Peteri di Tumpat?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah:

- i) Mengenalpasti sejarah dan perkembangan Main Peteri di Tumpat.
- ii) Mengkaji penerimaan masyarakat kini terhadap Main Peteri terutamanya di Tumpat.
- iii) Membincangkan langkah dan usaha untuk mengekalkan persembahan Main Peteri di Tumpat.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini bertujuan untuk mengkaji Main Peteri sebagai sebuah bentuk drama terapi Melayu di Kampung Laut, Tumpat. Kajian ini akan dilakukan di Kampung Laut yang berada di daerah Tumpat. Lokasi ini dipilih disebabkan masih ada golongan yang memelihara khazanah seni persembahan ini dan juga Kampung Laut itu sendiri terkenal dengan budaya dan makanan seperti serunding dan kegiatan seni Wayang Kulit yang juga masih lagi aktif dimainkan di sana. Secara tidak langsung, lokasi ini menjadi tempat utama tarikan pelancong dari dalam mahupun luar negeri.

Selain itu, kajian ini bukan sahaja tertumpu kepada generasi muda di kampung berkenaan, tetapi semua golongan lapisan masyarakat yang ada di kampung berkenaan bagi tujuan mengenalpasti pandangan dan juga persepsi mereka terhadap seni persembahan Main Peteri yang kian dilupakan generasi kini walaupun seni tradisional ini berperanan untuk menjana ekonomi pendapatan penduduk tempatan dengan tarikan pelancong ke Kampung Laut.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan disebabkan terdapatnya kepentingannya yang tersendiri di samping memberi impak kepada individu, masyarakat dan juga institusi.

1.6.1 Individu

Antara kepentingan kajian terhadap individu ialah pengkaji dapat memperolehi sumber mengenai keunikan tradisi warisan budaya dan menambah lagi sumber ilmiah berkaitan dengan seni persembahan tradisional Main Pateri. Selain itu, pengkaji juga mendapati kesan kemasukan pelancong ke kawasan masyarakat tempatan hasil daripada tarikan seni persembahan Main Peteri. Disamping itu, terdapat masyarakat tempatan terutamanya golongan muda melibatkan diri mereka dalam aktiviti ini yang akan memberikan manfaat kepada komuniti setempat secara tidak langsung akan memberi kesan positif dari kepelbagaian aspek.

1.6.2 Masyarakat

Untuk kepentingan ini terhadap masyarakat pula dapat menjana pendapatan yang lebih bagus atau mencipta peluang dan inovasi. Hal ini kerana, tarikan terhadap seni persembahan Main Peteri akan menarik minat lapisan masyarakat tempatan dan

menyebabkan kedatangan pelancong atau masyarakat negeri lain dan ini akan membuka peluang untuk menjual produk penduduk dalam pelbagai sektor dan secara tidak langsung, usaha untuk mengekalkan persembahan tradisonal Main Peteri dapat dikekalkan.

1.6.3 Institusi

Di samping itu juga, kajian ini juga penting kepada sesebuah institusi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Dalam bahagian ini, kajian sebegini dapat membantu pengusaha kecil-kecilan ataupun besar untuk memperoleh kemudahan infrastruktur yang baik dan memperluaskan selain mempromosikan seni persembahan Main Peteri ke peringkat yang lebih tinggi walaupun kita tahu seni persembahan ini mungkin sukar untuk diiktiraf di peringkat global. Kesan ini akan menarik minat pelancong serta penduduk tempatan agar memperluas lagi produk mereka dan nilai estetika yang ada.

1.7 KERANGKA TEORI

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan Teori Semiotik. Teori ini telah dipilih kerana bersesuaian dengan kajian iaitu Main Pateri merupakan seni persembahan yang mana ia merupakan bentuk drama terapi kepada masyarakat dan pertunjukan yang merangkumi pelbagai aspek.

Seterusnya, teori Semiotik ini merupakan sebuah teori yang menggambarkan lambang perantaraan untuk berkomunikasi yang diterapkan dalam ilmu kajian terhadap seni persembahan tersebut. Teori ini juga mempunyai fungsinya iaitu memahami bagaimana sesuatu maksud yang diterjemahkan melalui sistem simbol misalnya yang dipersembahkan dalam bentuk persembahan drama dan paling penting pertunjukan dapat dilihat melalui lirik, pakaian, muzik dan sebagainya.

Menurut Russel (1958), penghasilan teater bukan sahaja berlandaskan kepada muzik semata-mata tetapi ia juga dimainkan di tempat-tempat tertentu dan tarian yang dipersembahkan dapat menyampaikan sesuatu makna. Oleh itu, dalam persembahan ini memerlukan gerakan yang lebih efektif semasa melakukan tarian yang berperanan sebagai perantaraan untuk berkomunikasi.

Tokoh teori semiotik iaitu Ferdinand de Saussure yang mengkaji bahasa dan beliau percaya pada sesuatu ayat melalui falsafah berserta dengan ayat dalam bahasa itu serta mempunyai maksud tertentu. Selain itu, beliau juga berpendapat penggunaan bahasa melalui sistem yang dibolehkan serta mempunyai fungsi. Bagi Sander Pierce pula yang merupakan seorang tokoh dalam teori semiotik telah menjelaskan bahawa bahasa berperanan sebagai sistem simbol. Melalui bidang kesenian, teori ini dapat diaplikasikan melalui ideologi tokoh terbabit bagi mendapatkan kepercayaan dan keyakinan kepada masyarakat menerusi simbol dan proses bagi memberi pertunjukan sesuatu persembahan ataupun karya.

Dalam seni pertunjukan, teori ini biasanya digunakan dalam bidang teater yang mana teater ini berfungsi sebagai komunikasi yang sistematik kerana melibatkan interaksi antara penonton dengan persembahan. Proses ini membantu menerusi gabungan sistem yang tertentu untuk keberhasilan iaitu lirik lagu dan dialog. Selain itu, bukan lambang lisan sahaja yang terlibat malah pergerakan dan muzik juga sebahagian daripada gabungan sistem tersebut. Sistem ini penting bagi membolehkan penonton memahami dan menarik minat pada fenomena yang dimainkan. Misalnya, persembahan Main Pateri kita dapat lihat yang mana Tok Puteri akan menyediakan ayam panggang ini disertakan dengan pulut kuning sekali atau lebih dikenali sebagai pulut yang memberi semangat kepada pesakit berkenaan. Selain itu, mereka juga akan melakukan persembahan yang melibatkan penggunaan alatan muzik. Contohnya, alat muzik yang digunakan akan berada di hadapan Tok Puteri yang mengadap pembantunya iaitu Tok Minduk. Manakala, Tok Minduk akan berada di sudut kawasan yang sesuai yang mana alat-alat muzik berkenaan berada di sebelah kanannya dan dimainkan bersama pengikut lain semasa upacara dijalankan.

Oleh kerana persembahan drama merupakan perantaraan seperti alat komunikasi kepada masyarakat dan setiap simbol yang ada akan dipaparkan khususnya dalam menyampaikan mesej dalam sesuatu seni persembahan itu. Perkara ini perlu diambil berat kerana akan mempengaruhi kesemua ekosistem yang terdapat dalam konteks yang dijelaskan itu serta digabungkan bagi menunjukkan sesuatu maksud atau makna secara keseluruhan. Contohnya, dalam seni persembahan Main Peteri, penonton akan menyaksikan aspek lakonan semasa Main Peteri ini dijalankan selain watak-watak ini sangat menarik dan mampu menghiburkan penonton. Di samping itu, elemen-elemen muzik akan mengiringi keupayaan Tok Teri dalam pelbagai rentak lagu yang dimainkan.

Akhir sekali, teori semiotik merupakan teori yang boleh menerapkan unsur dalam kepelbagaian ilmu dan budaya. Teori semiotik ini pada dasarnya digunakan dalam ilmu linguistik yang diperkenalkan oleh tokoh yang bernama Saussure dan Pierce. Jelasnya, teori ini menunjukkan kepelbagaian simbol ataupun lambang sebahagian daripada komunikasi yang dapat kita praktikkan dan pelajari dari segi makna, sifatnya yang konotatif dan tersirat. Oleh itu, dalam seni persembahan, teori semiotik ini digunakan untuk mengkaji dan memperjelaskan lebih terperinci mengenai dialog, teks serta kepelbagaian aspek lain contohnya gerak-geri, pakaian dan sebagainya.

1.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam bab ini, ia terdiri daripada pendahuluan yang telah merangkumi pengenalan dan permasalahan kajian yang mana pengkaji telah memilih Main Peteri sebagai sebuah bentuk drama terapi Melayu di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Sebenarnya, keseluruhan drama dan teater ini mempunyai alur cerita yang lebih menarik dan memiliki fungsi setiap bahagian bagi jalan cerita tersebut. Persembahan nyanyian atau sesuatu ritual itu mempunyai proses yang perlu dilakukan agar mendapat persembahan yang lebih berkualiti. Misalnya, adegan dalam teater Greek yang menyerlah akan diteruskan dalam drama tersebut untuk dipersembahkan kepada khalayak umum.

Keseluruhan hasil daripada peningkatan industri negara kita dalam kepelbagaian aspek contohnya ekologi dan pelancongan telah membuatkan seni persembahan tradisional ini walaupun semakin hari kurang mendapat sambutan daripada generasi muda namun masih ada usaha-usaha yang dilakukan untuk mengekalkan dan memartabatnya supaya dapat dikekalkan untuk generasi akan datang. Seperti yang diketahui, negara kita berada di landasan kemajuan tetapi seni persembahan masih mendapat sokongan daripada setiap golongan walaupun bukan dalam bentuk skala yang besar. Oleh kerana itu, masyarakat di negara kita perlu menghargai usaha pihak yang telah terbabit bagi memajukan industri ini dan mengekalkan warisan yang merupakan aset negara untuk tatapan generasi akan datang.

BAB II

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 PENGENALAN

Dalam bahagian ini akan membincangkan beberapa kajian lepas yang pernah dibuat oleh pengkaji sebelumnya yang berkaitan dengan warisan seni persembahan tradisional Main Peteri. Di dalam kajian ini juga konsep yang bersesuaian telah digunakan bagi memperolehi maklumat yang lebih mendalam berkaitan dengan objektif yang telah ditetapkan. Hal ini amat penting bagi penggunaan konsep dalam kajian ini kerana memudahkan pengkaji untuk mengembangkan isu-isu yang berkaitan dan juga pelbagai persoalan yang ada. Oleh itu, terdapat beberapa kajian yang boleh digunakan sebagai rujukan dalam kajian ini.

2.1 KAJIAN LEPAS

Menurut Andika Aziz Hussin, seni teater atau drama merupakan satu seni yang rumit dan kompleks. Teater dan drama adalah gabungan pelbagai cabang kesenian seperti tarian, lakonan, nyanyian, muzik, seni visual dan multimedia. Seni teater menggabungkan tiga unsur yang penting dalam penilaian diri iaitu visual, audio dan kinestetik (gerak) termasuklah bunyi, suara, muzik, gerak dan bahasa badan. Seni teater merupakan seni pementasan yang menggabungkan seni penulisan oleh penulis, seni pengarahan oleh sutradara, seni rekaan oleh penata artistik serta seni pertukangan oleh

krew teknikal. Teater adalah seni yang bersifat kolektif dan memerlukan kerjasama semua pihak dalam produksi. Aktiviti yang berteraskan warisan tradisional ini semakin berkembang pesat di negara-negara sedang membangun, tidak terkecuali juga di Malaysia. Kebanyakan pusat tarikan pelancongan adalah bandar-bandar warisan yang diisytiharkan sebagai tapak warisan dunia (Ahmad et al., 2008). Berdasarkan laporan penyelidikan tahunan *The World Travel and Tourism Council (WTTC)* bersama *Oxford Economics, Travel and Tourism's* pada tahun 2013 mendedahkan bahawa industri pelancongan telah menyumbang kepada pendapatan negara dan membolehkan pekerjaan baru diwujudkan (Ramli, 2017). Selain itu, pelancongan juga merupakan salah satu industri terpenting di dunia kerana berupaya mengembangkan aspek fizikal, sosial, budaya, ekonomi, politik dan teknologi serta mampu memberi pulangan ekonomi kepada negara (Ibrahim et al., 2015).

Menurut Dickman (1997), terdapat beberapa komponen teras bagi sesebuah destinasi pelancongan yang dikenali sebagai 5A's iaitu aktiviti (*activities*), kemudahsampaian (*accessibility*), kemudahan-kemudahan (*amenities*), penginapan (*accommodations*) dan tarikan (*attractions*). Elemen aktiviti (*activities*) merupakan komponen teras aktiviti yang terdapat di destinasi tersebut akan memainkan peranan penting untuk menjadikan destinasi tersebut sebagai pilihan pelancong untuk melancong ke destinasi tersebut. Menurut Gunn (1994), definisi pelancongan turut menyebut mengenai peranan aktiviti dalam pelancongan. Ritchie dan Crouch (2003) menyatakan bahawa aktiviti yang dianjurkan digunakan sebagai tarikan yang terdapat di destinasi pelancongan yang dilihat sentiasa berkembang.

Aida Nurul Ain Abd Rahman (2017) telah menyentuh berkenaan permainan tradisional Main Peteri mendapati bahawa terdapat kesan atau rawatan pada emosi dan jasmani pada pesakit selain memartabatkan seni persembahan Main Peteri ini sebagai bentuk drama terapi Melayu. Dalam erti kata lain, dalam Main Peteri ini, terdapat unsur yang dipanggil sebagai terapeutik yang berperanan untuk penyembuhan penyakit. Selain itu, menurut beliau lagi, faktor Main Peteri ini akan mencapai matlamat dalam terapeutik seperti keseimbangan rohani dan satu respon yang digelar relaksasi yang berperanan untuk menjadikan proses penyembuhan itu berjaya.

Menurut Mohammad Nazzri Bin Ahmad (2017), beliau menganggap rawatan Main Peteri ini sudah lama diamalkan oleh masyarakat Melayu pada masa dahulu yang dikatakan berasal daripada zaman Puteri Saadong. Upacara ini bertujuan untuk merawat pesakit dan sehingga kini masih ada yang mengamalkannya tetapi amatlah jarang kerana bercanggah dengan ajaran Islam. Kebiasaannya, dalam upacara Main Peteri ini, adanya acara yang dipanggil ‘pelepas’ angin yang berlaku di kemuncak rawatan atau persembahan yang dimainkan yang dikatakan sebagai penutup untuk pesakit yang telah bebas dari gangguan penyakit.

Menurut Jones (2006), drama terapi ini merupakan penglibatan pesakit yang bertujuan untuk tujuan penyembuhan dilakukan terhadapnya. Beliau menyatakan bahawa drama terapi ini akan menggalakkan kesan semasa proses dijalankan dan mengubah suasana keadaan pesakit itu supaya melalui proses yang dipanggil sebagai ekspresi dan eksplorasi. Di samping itu, kesan terlibat dalam drama ini akan memberikan kesan terhadap pesakit luar sedar dan mencetuskan emosi.

Bagi Muhammad Jailani Abu Talib (2010), beliau menyatakan sejak dahulu lagi dalam kalangan masyarakat Melayu sememangnya mempercayai kepada animisme kerana mereka amat percaya akan kewujudan anasir ghaib dan makhluk halus ini selain adanya kuasa-kuasa magis yang diamalkan dan digunakan dalam masyarakat pada masa itu. Di samping itu, beliau turut menerangkan mengenai lima bentuk kepercayaan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu seperti ayat suci al-Quran, percaya kepada Allah dan Rasul, sihir, semangat serta penggunaan magis. Beliau beranggapan bahawasanya magis digunakan atas dasar tertentu dan untuk kepentingan diri.

Melalui seni persembahan juga maka akan wujudlah kepercayaan manusia terhadap kuasa-kuasa ghaib dan hal sebegini yang akan mewujudkan acara ritual dan sebagainya. Acara ritual ini biasanya dilakukan melalui persembahan tradisional yang dimainkan oleh golongan atau individu tersebut bagi mendapatkan pertolongan daripada semangat ghaib yang ada yang telah menetap dalam setiap benda yang hidup mahupun

bukan hidup dalam alam ini contohnya pada pokok besar, batu-batuan, gunung ganang dan sebagainya. Dalam upacara ritual yang dilakukan tersebut ia akan memberikan pengaruh dalam kehidupan komuniti tersebut samada tujuan itu positif mahupun negatif.

Seterusnya melalui aspek positif, seni persembahan tradisional ini adanya ritual yang mana masyarakat percaya akan mendapat kesejahteraan manakala dari sudut negatif pula, pemujaan atau ritual ini kebiasaannya masyarakat akan ditimpa musibah jika ingkar atau tidak melakukan sesuatu upacara. Sepertimana yang telah diketahui, masyarakat zaman dahulu melakukan ritual dalam seni persembahan bagi memohon restu dan meminta perlindungan daripada semangat ghaib tersebut agar kesejahteraan mereka terjaga.

Selain itu, dalam konteks seni persembahan Main Peteri yang mana persembahan ini merupakan drama atau pementasan teater untuk tontonan masyarakat umum pada masa itu dan dalam penceritaan mereka akan menerapkan unsur kelakar dan nilai-nilai murni dalam hiburan tersebut. Namun begitu, persembahan Main Peteri ini tidak lagi dibenarkan kerana bercanggah dengan ajaran Islam. Hal ini disebabkan adanya unsur pemujaan, bacaan mantera dan sebagainya. Seperti yang telah diketahui, Main Peteri adalah persembahan yang bersifat rawatan yang boleh dikategorikan sebagai budaya dan pengetahuan masyarakat tempatan seperti upacara, tradisi, dan sebagainya. Selain itu, menurut S.Ishak dan MG Nasuruddin (2014), ritual perubatan ini dimainkan bagi memenuhi keperluan dan memberi khidmat kepada masyarakat sebagai penyembuhan terhadap mereka.

Berdasarkan aspek estetika, teater penyembuhan merupakan dialog. Kita dapat lihat dalam aktiviti tersebut berlakunya pertukaran watak antara Tok Puteri dengan pesakit serta makhluk ghaib yang dapat dilihat melalui pergerakan atau tarian mereka semasa berkomunikasi dengan entiti ataupun lebih tepat lagi semangat ghaib yang mengganggu pesakit berkenaan. Menurut Solehah Ishak (2010), pergerakan tarian, dialog serta lagu bergantung kepada persembahan penyembuhan yang berbeza bagi menyembuhkan pesakit tersebut.

Kebiasaannya, melalui amalan ritual atau penyembuhan tradisional dalam seni persembahan dikatakan berkait rapat dengan semangat bagi membolehkan pengamal menjalankan aktiviti ritual dan penyembuhan tetapi berisiko untuk tidak sedarkan diri. Namun begitu, perkara seperti ini juga boleh berlaku kepada penonton. Kebiasaannya, jika mereka tidak sedarkan diri, mereka telah memasuki alam ghaib dan mereka akan berkhayal serta tidak sedarkan diri. Oleh itu, dapat dilihat persembahan ini telah menimbulkan kontroversi yang bertentangan dengan agama Islam walaupun seni persembahan tradisional yang dilakukan ini cukup kreatif dan nilai artistiknya sangat mendalam.

Sifat lambang yang tidak terikat menyebabkan penggunaannya dalam seni persembahan bebas dan tidak terhad. Jika lambang atau simbol mempunyai hubungan dengan objek, maka jelaslah maksud atau mesej yang ingin disampaikan sebaliknya jika hubungan lambang dengan objek tidak mempunyai rujukan yang jelas, maka maksud atau mesej yang disampaikan tidak jelas. Hal ini kerana, setiap aspek dalam seni persembahan contohnya gerakan, pertuturan, muzik dan lain-lain saling bergantung antara satu sama lain bagi menyampaikan mesej dengan lebih baik dan jelas kepada penonton.

Di samping itu, dalam persembahan Main Peteri, terdapatnya unsur mantera. Untuk pengetahuan, mantera merupakan magis yang mempunyai pelbagai gaya menerusi perkataan atau pengucapan yang menghubungkan alam nyata dan ghaib. Oleh itu, mantera dalam persembahan Main Peteri ini bukan sahaja sebagai perubatan tetapi diungkapkan berdasarkan tiga perspektif iaitu magis, perspektif kepercayaan dan agama serta perspektif logikal. Mantera Main Peteri ini juga digunakan untuk memulihkan orang yang sedang dirasuk. Justeru itu, elemen ini boleh dikategorikan sebagai mantera kerana isi dan fungsinya digunakan sebagai tujuan perubatan serta upacara tertentu.

Menurut Fauzi Yaacob (1993), kewujudan penggunaan magis ini telah menjadi sebahagian daripada kepercayaan masyarakat pada masa itu. Katanya lagi, hal ini jelas akan memberi kesan kepada kehidupan seharian yang mana sebahagian mereka akan menggunakan magis untuk kepentingan diri. Oleh itu, dengan adanya kepercayaan ini,

mereka kemudiannya telah menerapkan kepercayaan tersebut dalam persembahan tradisional seperti Main Puteri. Di samping itu, dikatakan telah wujudnya penggunaan dan elemen-elemen magis dalam masyarakat Melayu sejak dahulu lagi.

Bagi Beattie (1979) pula, beliau berpendapat magis akan terjadi jikalau pengguna tersebut melakukan ritual atau upacara yang dijalankan. Beliau juga percaya kejadian magis ini akan memberi kesan sebab mahupun akibat. Selain itu, beliau menyokong dan percaya bahawasanya amalan magis ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu bahkan terjadi dan dianuti oleh masyarakat lain juga di seluruh dunia.

2.2 TEORI SIMBOL

Seterusnya, berdasarkan konsep ini, bunyi dan kata yang telah disusun dalam mantera sama dengan perkataan-perkataan suci dan kemudian bahasanya telah digubah secara halus dan dihubungkan dengan kuasa ghaib bagi tujuan untuk penyembuhan jiwa yang mana untuk mengawal emosi ataupun dalam istilah psikologinya dikenali sebagai fungsi psikoterapeutik sepertimana yang telah diterapkan dalam ritual atau dialog dalam persembahan Main Peteri semasa aktiviti dijalankan. Selain itu, dalam kegunaan atau ayat-ayat mantera ini, terdapatnya ciri-ciri yang mana mantera ini akan diyakini dan dipercayai oleh bomoh dengan cara memenuhi syarat yang diletakkan serta perlu mematuhi pantang larang yang telah ditetapkan. Dalam konteks ini, mantera dapat kita kaitkan sebagai terapi dalam dunia perubatan Melayu. Di samping itu, mantera juga dapat menterjemahkan pemikiran tentang peranan serta kepentingan manusia untuk mempelajari dan menguasai ilmu, alam sekitar dan hubungan manusia dengan kehidupan seharian.

Walaupun begitu, simbol-simbol juga antara elemen yang penting digunakan dalam seni persembahan Main Peteri misalnya kita dapat lihat Tok Puteri akan menyediakan bahan-bahan penting seperti ayam dan pulut kuning selain untuk alatan muzik pula terdapatnya gendang, serunai, gong dan sebagainya. Manakala benda kegunaan upacara perubatan seperti kunyit, air bunga dan beras antara perkara yang harus

disediakan. Oleh itu, kesemua bahan ini dikategorikan sebagai simbol dalam persembahan Main Peteri. Teori Simbol tidak dapat dipisahkan dengan budaya. Menurut Levi Strauss (1950), budaya itu merupakan himpunan simbol khususnya melibatkan bahasa serta diikuti dengan peraturan-peraturan tertentu seperti budaya perkahwinan, seni, sains dan sebagainya. Hal ini merujuk kepada kebolehan manusia untuk membentuk budaya yang bergantung keupayaannya kepada elemen simbol. Menurut Hashim Awang A.R (1998), dengan kata lain, simbol ialah penjenisan lambing-lambang yang dirujuk kepada objek asal dengan satu kawalan peraturan yang khusus dan selalunya ia dikongsi bersama oleh idea umum yang membawa kepada penjelasan simbol tersebut.

Selain itu, asal usul teori simbol bermula daripada teori Semiotik Pierce yang mana beliau menerangkan dengan terperinci mengenai jenis dan pelbagai sudut simbol misalnya kita dapat lihat dalam kehidupan seharian bagaimana gerak laku dan pertuturan serta sistem perlembagaan yang ada sukar untuk difahami. Hal ini kerana, logo atau lambang hanya mampu dikaji oleh organisasi yang berdisiplin. Semiotik Peirce yang terkenal sebagai teori umum tanda penyelesaian kepada satu analisis dan proses sesuatu pemahaman.

Seterusnya, menurut Mukarovsky (1975), beliau menyatakan sebuah teks persembahan merupakan lambang atau simbol makro yang maksudnya hanyalah dapat difahami dalam rentetan lambang-lambang lain secara keseluruhan. Dalam teater, lambang atau isyarat memberi makna yang simbolik oleh kerana semua yang terdapat di pentas merupakan lambang. Semua objek dan perlakuan pelakon atau pemain haruslah mempunyai hubungan dengan objek yang dimaksudkan. Hal ini kerana, lambang '*non-literal*' mestilah berfungsi seperti lambang '*literal*' supaya penonton dapat memahami atau menafsir mesej yang hendak disampaikan.

2.3 TEORI PERSEPSI

Hasil daripada kajian yang telah diperhalusi dalam bahagian ini, teori persepsi merupakan perolehan sumber yang paling tepat. Definisi teori persepsi adalah informasi yang

diperoleh telah diterangkan melalui pacaindera kita agar mendapat maklumat dengan lebih tepat. Seterusnya, teori yang digunakan ini menunjukkan bagaimanakah individu memberi pertunjukkan yang jelas contohnya, setiap individu boleh menilai berdasarkan pemahaman mereka.

Selain itu, melalui teori ini juga akan memudahkan individu tersebut menganalisis dengan lebih terperinci berkaitan informasi yang diperoleh. Maksud lain persepsi ialah sesuatu proses tersebut dilakukan dengan lebih terperinci dan selektif.

2.4 KESIMPULAN

Tuntasnya, bab ini telah membincangkan mengenai kajian lepas berdasarkan sumber yang telah ditetapkan. Kajian lepas mengenai persembahan tradisional Main Pateri yang telah dijelaskan dalam topik ini. Berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh pengkaji lepas, persembahan ini merupakan drama atau pementasan teater untuk tontonan masyarakat umum pada masa itu dan dalam penceritaan mereka akan menerapkan unsur kelakar dan nilai-nilai murni dalam hiburan tersebut. Ini menunjukkan bahawa masyarakat pada masa itu akan tertarik dengan persembahan Main Pateri ini selain adalah persembahan yang bersifat rawatan yang boleh dikategorikan sebagai budaya dan pengetahuan masyarakat tempatan seperti upacara, tradisi, dan sebagainya.

Seterusnya, dinyatakan dalam kajian lepas rawatan Main Peteri ini sudah lama diamalkan oleh masyarakat Melayu pada masa dahulu yang dikatakan berasal daripada zaman Puteri Saadong. Upacara ini bertujuan untuk merawat pesakit dan sehingga kini masih ada yang mengamalkannya tetapi amatlah jarang kerana bercanggah dengan ajaran Islam.

Selain itu, bab ini menerangkan mengenai konsep yang digunakan oleh pengkaji lepas berkaitan dengan tarikan pelancongan warisan. Jelaslah industri pelancongan telah menyumbang kepada pendapatan negara dan membolehkan pekerjaan baru diwujudkan.


Selain itu, pelancongan juga merupakan salah satu industri terpenting di dunia kerana berupaya mengembangkan aspek fizikal, sosial, budaya, ekonomi, politik dan teknologi serta mampu memberi pulangan ekonomi kepada Negara. Oleh itu, bab 3 seterusnya akan membincangkan metodologi yang digunakan untuk menjawab objektif kajian.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan dalam mencari maklumat dalam proses menyelesaikan permasalahan dengan perancangan, analisis dan data-data yang telah dikumpul menjadi tersusun. Data hasil kajian yang dikumpul dapat membantu dalam menyokong permasalahan yang wujud dalam hasil kajian. Selain itu, bahagian ini akan menerangkan mengenai metodologi kajian yang akan digunakan dalam kajian ini. Menurut Ruhizan Mohammad Yasin (2010), data yang baik diperolehi daripada penyelidikan yang dirancang secara terperinci berdasarkan rekabentuk yang bersesuaian dan melalui kaedah-kaedah pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data penyelidikan. Menurut Othman (2001) (dalam Hamidah 2007) telah menyatakan metodologi sebagai suatu prosedur yang sistematik dalam menggabungkan pendekatan kajian serta analisis data bagi memastikan prestasi penyelidikan dapat dicapai dengan sempurna.


Justeru itu, metodologi merangkumi pendekatan, rekabentuk, unit analisis, kaedah kajian, teknik pengumpulan data dan persampelan. Oleh itu, metodologi kajian berperanan penting untuk dilakukan terutamanya bagi penyelidikan yang sedang dijalankan agar ia dapat menyelesaikan permasalahan kajian pengkaji dan kaedah ini sangat sesuai untuk menjawab semua persoalan berkaitan.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Untuk pendekatan kajian ini, penyelidik telah memilih untuk menggunakan pendekatan etnografi. Etnografi merupakan satu bentuk atau kaedah pemerhatian yang boleh dikategorikan sebagai penyelidikan saintifik semulajadi. Kebiasaanya, teknik ini dikaitkan dengan bahagian antropologi kerana umumnya diketahui etnografi merupakan kaedah kerja lapangan. Selain itu, sebagai pengkaji perlulah pergi ke tempat kajian untuk melakukan aktiviti menemubual dan memerhati bagi mendapatkan data yang lebih tepat dan jelas agar dapat direkodkan dengan lebih terperinci. Menurut Creswell (2005), etnografi adalah bentuk kajian kualitatif iaitu dengan menganalisis ‘*culture-sharing*’ sesebuah masyarakat seperti tingkah laku, ekonomi dan sebagainya. Secara umumnya, etnografi ini boleh disebut sebagai gambaran dan untuk mempelajari dengan lebih mendalam tentang budaya manusia dalam skala yang lebih kecil.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian adalah rancangan dan struktur penyelidikan yang dirancang untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian. Menerusi hasil kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua cara iaitu menerusi kaedah kualitatif dan kuantitatif agar dapat mengumpul hasil keseluruhan data yang diperoleh menerusi kajian ini. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah dengan menemubual dan menjalankan pemerhatian manakala kaedah kuantitatif pula dengan menggunakan kaedah soal selidik. Menurut Mc.Millan dan Schumacher (1984), mereka berpendapat bahawa rekabentuk kajian merujuk kepada cara penyelidikan mengendalikan kajian dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Tujuan rekabentuk kajian adalah untuk mengawal punca-punca yang boleh mengganggu dapatan kajian (McMillan & Schumacher, 1984). Di samping itu, menurut Kerlinger (1970), rekabentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pembolehubah yang terlibat dalam sesuatu kajian tersebut.



Carta Alir 1: Rekabentuk Kajian

3.3 UNIT ANALISIS

Unit analisis merupakan kaedah metodologi yang telah digunakan dalam kajian ini untuk menjalankan kajian mengenai Main Peteri sebagai sebuah bentuk drama terapi Melayu di Kampung Laut, Tumpat terutamanya mengenai persepsi masyarakat dan cara bagaimana untuk mengekalkan seni persembahan Main Peteri dan mengkaji sebab mengapa persembahan tradisional ini tidak mendapat perhatian terutamanya golongan muda di Tumpat selain dapat menarik pelancong ke Negeri Kelantan hasil daripada keunikan seni persembahan tradisional ini yang masih lagi dikekalkan walaupun tidak begitu banyak dipersembahkan oleh sebilangan golongan tertentu. Hal ini juga kerana persembahannya tidak lagi dibenarkan kerana mempunyai unsur yang bertentangan dengan ajaran Islam. Proses kajian mengenai seni persembahan Main Peteri ini akan dilakukan di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan.



Peta 1: Lokasi Kajian Seni Persembahan Main Peteri Kampung Laut, Tumpat

Sumber: Google Images, 2014

3.4 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merupakan langkah yang telah diambil bagi mencapai kesemua objektif. Oleh itu, terdapat dua kaedah akan diterapkan di dalam kajian ini iaitu kaedah kualitatif dan juga kaedah kuantitatif.

3.4.1 Kualitatif

Cresswell (1994) telah mentakrifkan bahawa penyelidikan kualitatif adalah proses pemahaman yang berasaskan kepada kaedah pengumpulan data yang lazimnya digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial. Menurut Lexy (2007), pendekatan kaedah kualitatif merupakan suatu kaedah dalam penyelidikan yang bertujuan untuk menghasilkan data gambaran yang boleh diamati. Selain itu, Denzin dan Lincoln (1994) berpendapat bahawa penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara berfokus termasuklah menggunakan pendekatan naturalistik atau lebih dikenali sebagai semulajadi untuk menyelidik sesuatu subjek. Dalam erti kata lain, untuk kaedah kualitatif, ia berdasarkan teks dan juga imej. Contohnya, pemerhatian dan juga temubual. Oleh itu, dalam keseluruhan kajian kes ini digunakan bagi memperoleh maklumat berkaitan langkah untuk mengekalkan Main Peteri dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda, mengkaji punca mengapa seni persembahan tidak mendapat perhatian golongan muda dan Main Peteri sebagai sebuah bentuk drama terapi Melayu di Kampung Laut, Tumpat.

3.4.2 Kuantitatif

Melalui hasil data yang dikumpul sama ada nombor atau graf, ia memerlukan penyelidikan bersifat kuantitatif. Hasil data yang diperolehi adalah berkaitan dengan sains sosial. Keseluruhan kajian ini memerlukan eksperimen yang jelas. Menurut

Fraenkel (2007), beliau berpendapat bahawa pendekatan kaedah kuantitatif merupakan penyelidikan yang menekankan kepada objektif kajian dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data. Menurutnya lagi, penggunaan ujian statistik terhadap sesuatu kajian merupakan satu kaedah untuk menerangkan, menjelaskan atau mencari perhubungan antara pembolehubah di dalam sesuatu kajian. Selain itu, Wimmer (1987) dan Dominick (1997) menyatakan kaedah ini akan menggunakan maklumat dan data yang sedia ada sebagai sumber maklumat yang utama.

Menurut Neuman (2006), kebanyakan penyelidik mengambil pendekatan kuantitatif dalam menjalankan kajian mereka kerana memberikan gambaran yang lebih baik mengenai tema sosial tertentu yang dikaji. Hal ini disebabkan oleh kenyataan bahawa penggunaan pendekatan kuantitatif memerlukan penyelidik untuk mengkaji secara mendalam dan memahami literatur yang diperlukan dan relevan dalam merancang dan mengembangkan instrumen penyelidikan.

Di samping itu, menurut Balsley (1970), yang paling penting ialah kita perlu fahami bahawa metodologi kuantitatif harus menjadi pendekatan terbaik yang harus dilakukan sekiranya seseorang penyelidik perlu menangani kekangan seperti kekangan masa dan kos. Oleh itu, kaedah kuantitatif dalam kajian ini menggunakan satu set ujian soal selidik yang bertujuan bagi mendapatkan data tentang tahap peratusan pemahaman dan penerimaan masyarakat tempatan terutamanya golongan muda di Kampung Laut terhadap seni persembahan tradisional Main Peteri yang merupakan khazanah warisan tradisi terutamanya di Negeri Kelantan.

3.5 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Selain daripada itu, hasil pengumpulan data yang telah dilakukan mendapati kaedah primer serta sekunder akan digunakan. Yang pertama, data primer diperoleh daripada kajian yang dikumpul untuk digunakan sebagai sumber rujukan. Kesemua data ini akan dikumpulkan melalui kesemua aspek kajian seperti soal selidik dan temubual masyarakat setempat manakala data primer pula merupakan data yang diperoleh dengan lebih tepat

dan jelas dan akan menjadi laporan untuk kegunaannya. Seterusnya, rujukan yang telah dilakukan sama ada melalui rujukan internet atau perpustakaan telah menjayakan hasil kajian ini. Hal ini kerana, pengkaji memerlukan sumber tersebut supaya mendapat rujukan yang tepat dan memastikan kesalahan pada info dapat dikurangkan daripada kajian yang dilakukan. Afid Burhanuddin (2014) menyatakan pengumpulan data adalah proses, cara, perbuatan mengumpul atau menghimpun data bagi mendapatkan maklumat bagi sesuatu kajian. Selain itu, menurut Sabitha Merican (2005), data ialah pengiraan ke atas ciri-ciri, kejadian, fakta atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dikira. Teknik pengumpulan data digunakan bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian yang dijalankan.

3.5.1 Data Primer

Menurut Yusof (2003), data primer adalah data yang berasal daripada sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data-data ini dikumpul oleh penyelidik melalui proses eksperimental atau kajian lapangan seperti soal selidik, pemerhatian, temubual dan sebagainya. Dalam bidang penyelidikan sains sosial, data-data ini boleh dikumpulkan daripada individu, kumpulan fokus atau melalui panel pakar. Pengumpulan data primer boleh dilakukan secara pasif dan aktif misalnya Umi Narimawati (2008) di dalam bukunya yang bertajuk 'Metodologi Penelitian Kualitatif dan Kuantitatif' telah menjelaskan bahawa data primer merupakan data yang berasal daripada sumber asli atau pertama yang diperoleh melalui sumber atau responden sebagai cara mendapatkan maklumat atau data. Oleh itu, dalam bahagian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temubual dengan mengumpul maklumat dan juga data yang telah diperoleh menjadi lebih tepat dan terperinci hasil daripada temubual segelintir penggiat seni persembahan Main Peteri di Kampung Laut dan masyarakat setempat terutamanya golongan muda. Akhir sekali, untuk soal selidik pula pelbagai data dan maklumat yang telah diperoleh hasil daripada kaji selidik beberapa orang responden yang melibatkan penduduk tempatan, dan ada juga beberapa pelancong dalam dan luar negeri yang datang ke Kampung Laut berkenaan.

3.5.2 Data Sekunder

Menurut Marican (2005), data sekunder boleh dirujuk sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Sebagai contoh, data-data yang lepas atau terdahulu dikumpul untuk tujuan kajian. Oleh itu, data-data tersebut masih lagi sesuai dan relevan untuk digunakan bagi menjawab persoalan kajian atau dikembangkan kepada informasi mahupun formulasi yang baru untuk kajian pada masa kini. Maklumat atau bahan terbitan yang dikumpul oleh penyelidik lain boleh digunakan sebagai rujukan untuk mencipta formula atau informasi baru bagi menyelesaikan masalah yang timbul pada masa kini mahupun masa depan. Contoh data sekunder yang boleh didapati adalah dokumen awam seperti demografi penduduk, dokumen pentadbiran, laporan formal dan sebagainya. Di samping itu, data sekunder merujuk kepada satu data sokongan di dalam sesuatu kajian yang dilakukan misalnya seperti buku. Selain daripada itu, data sekunder ini akan memudahkan lagi perolehan maklumat kajian daripada sumber yang sedia ada. Apa yang boleh dikatakan, data sekunder dapat membantu pengkaji dalam pengumpulan maklumat yang tidak mampu dijawab oleh responden dalam kajian tersebut. Oleh itu, kaedah pengumpulan data biasanya akan digunakan bagi mendapat perolehan data sekunder sama ada melalui kajian lapangan atau kajian kepustakaan.

3.5.3 Kajian Kepustakaan

Rujukan melalui perpustakaan perlu dilakukan kerana dapat membantu dalam kajian yang telah dilakukan ini. Hal ini kerana, rujukan perlu diperolehi daripada sumber yang tepat seperti buku dan majalah ilmiah. Di samping itu, melalui kajian kepustakaan ini sangat penting bagi pengkaji untuk mendapatkan sebarang maklumat yang akan mereka lakukan. Selain itu, melalui kaedah kepustakaan juga akan memudahkan lagi pengkaji mencari idea mahupun bahan yang berkaitan dengan kajian yang dipilih dan ini sekaligus akan mengembangkan lagi idea dalam tajuk yang sedang dikaji. Keberkesanan mendapatkan maklumat hasil daripada kaedah kepustakaan ini dapat dilakukan menerusi bahan ilmiah seperti artikel, tesis dan akhbar yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Berdasarkan kajian kepustakaan ini, sumbangan data penyelidikan adalah bersifat mutakhir.

3.6 PERSAMPELAN KAJIAN

Sebilangan besar penyelidik berusaha untuk mengkaji keseluruhan populasi. Menurut Kitchenham dan Pfleeger (2002), orang, individu, organisasi, kumpulan atau komuniti didefinisikan sebagai populasi yang mana penyelidik mendorong mereka untuk menjawab soal selidik. Walaubagaimanapun, mustahil dan tidak praktikal untuk mendapatkan data atau maklumat dari seluruh populasi dan oleh itu, ia mesti diselesaikan melalui sampel. Selain itu, hasil yang telah dikaji untuk bahagian ini tiada kebarangkalian yang melibatkan bahagian kuota kajian dalam analisa yang dikeluarkan. Selain itu, menurut Sulaiman Masri (2002), persampelan merupakan satu usaha bagi seseorang pengkaji untuk memperoleh maklumat daripada sampel kajian yang dapat mewakili populasi tersebut. Segala maklumat yang diperolehi merupakan suatu bentuk data primer yang benar dan tidak boleh dipertikaikan. Di samping itu, persampelan memberikan dan menggambarkan maklumat hasil kajian yang menjadi tumpuan utama bagi pengkaji. Oleh itu, untuk menghasilkan sampel yang baik semestinya perlu mendapat pembolehubah daripada populasi yang telah dilakukan oleh pengkaji. Populasi biasanya akan menentukan sejauhmana atau sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpul untuk dianalisis.

3.7 ANALISIS DATA

Analisis data ialah satu kaedah yang mana bertujuan memberikan data serta statistik hasil daripada kajian yang telah dilakukan. Analisis data dilakukan bertujuan bagi mempersembahkan data yang lebih kukuh dan berstatistik. Dalam melakukan kerja-kerja analisis ini, pengkaji biasanya menggunakan kaedah analisis dan juga melalui statistik. Walaupun begitu, pengkaji telah memilih analisis deskriptif dalam kajian ini. Perkara yang boleh dijelaskan menerusi analisis deskriptif ini merupakan hasil informasi yang didapati serta yang telah dikumpul secara lebih numerikal dengan satu pembolehubah

penyelidikan yang lebih teliti. Kebiasaannya analisis ini digunapakai pada jadual atau grafik. Penganalisan data mentah memerlukan penelitian yang terperinci bagi memastikan hasil kajian dapat dibuktikan kesahihannya. Jelaslah, dalam kajian ini terdapat dua kaedah yang digunakan bagi menganalisis data iaitu kaedah kuantitatif serta kualitatif.

Seterusnya, data yang diambil ini akan dianalisis bagi memperoleh maklumat tentang kajian seni persembahan Main Peteri sebagai bentuk drama terapi di Kampung Laut, Tumpat. Oleh itu, dengan kaedah yang digunakan oleh pengkaji iaitu pendekatan kuantitatif yang mana data akan terus dianalisis serta keputusan ini dapat menyokong maklumat yang diperolehi dengan lebih tepat dan kukuh. Selain itu, melalui pendekatan kualitatif pula merupakan salah satu cara analisis data yang memberi penjelasan yang lebih bermakna kerana disertakan oleh fakta atau bukti yang diperolehi daripada kajian. Analisis data dipermudahkan lagi dengan berpandukan kepada persoalan kajian dan objektif kajian, dan secara tidak langsung, analisis data dapat dilaksanakan mengikut dasar objektif yang telah dirangka dalam kajian ini.

3.8 KESIMPULAN

Pada akhir tajuk kajian ini telah dijelaskan perkara yang ingin dikaji sebelumnya dan bakal menjawab kesemua objektif kajian ini. Dalam bahagian metodologi ini, kesemua aspek telah dikeluarkan oleh pengkaji dan terdapat cabaran dalam mengenengahkan seni persembahan tradisional Main Peteri yang kurang mendapat sambutan dalam kalangan generasi muda selain mendalami identiti sejarah seni persembahan Main Peteri ini dalam kalangan masyarakat Melayu sejak dahulu sehingga kini di Kelantan terutamanya.

Justeru itu, masyarakat perlu menyedari dan mengetahui setiap kelebihan serta keistimewaan yang terdapat pada seni persembahan Main Peteri kerana merupakan warisan dan aset kepada negara. Maka, pihak berwajib dan masyarakat perlu memainkan peranan untuk menjaga warisan tradisional Main Peteri.

Oleh itu, hasil daripada keseluruhan kajian yang telah dilakukan, perkara yang berkaitan Main Peteri terutamanya untuk golongan muda perlulah memelihara warisan tradisi ini supaya tidak ditelan zaman yang kian moden ini. Selain itu, kesan daripada seni persembahan Main Peteri ini mampu menjadi tarikan pelancong luar dan ini secara tidak langsung akan meningkatkan lagi industri pelancongan dan warisan Negeri Kelantan bahkan kepada negara juga.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Seni persembahan Main Peteri mempunyai keunikan yang tersendiri dan unsur yang dekat dengan masyarakat terdahulu terutamanya di Negeri Kelantan. Hal ini kerana, mereka percaya terhadap elemen-elemen magis yang dikatakan akan menyembuhkan pesakit setelah melakukan upacara berkenaan. Seperti yang kita sedia maklum, masyarakat zaman dahulu mempunyai kepercayaan seperti animisme dan mereka percaya kuasa ghaib yang akan membantu mereka. Oleh itu, dengan kepercayaan ini, mereka telah menerapkan persembahan tradisional seperti Main Peteri sebaris dengan Ulek Mayang yang terkenal di Negeri Terengganu dan Kuda Kepang di Johor.

Selain itu, seni persembahan Main Peteri ini mempunyai upacara dan pemujaan yang khusus semasa merawat pesakit. Hal ini kerana, melalui kesenian ini akan memberi kesan psikologi kepada masyarakat baik dari segi emosi, mental dan sebagainya. Jelaslah, seni persembahan Main Peteri ini merupakan simbol kebudayaan tradisional masyarakat Cik Siti Wan Kembang. Di samping itu, seni persembahan Main Peteri ini mempunyai beberapa tarikan dan keunikan tersendiri seperti mempunyai watak-watak penting dalam persembahan misalnya Tok Puteri dan Tok Minduk yang akan dibantu dengan 10 sehingga 11 orang anggota yang akan mengiringi persembahan Main Peteri.

Dalam bahagian ini akan menyatakan maklumat yang telah diperolehi serta analisis yang telah dijalankan oleh pengkaji. Data dan analisis yang telah diperolehi berdasarkan objektif kajian serta soalan yang diajukan kepada responden. Oleh itu, pengkaji telah memastikan objektif kajian dan dapatan kajian perlu berkait rapat supaya tujuan utama kajian ini tercapai. Selain itu, dapatan kajian ini merangkumi tiga objektif utama yang telah dinyatakan oleh pengkaji iaitu mengenalpasti sejarah dan perkembangan Main Peteri di Tumpat. Kedua, mengkaji penerimaan masyarakat kini terhadap Main Peteri terutamanya di Tumpat dan objektif terakhir ialah membincangkan langkah dan usaha untuk mengekalkan persembahan Main Peteri di Tumpat. Justeru itu, Main Peteri mempunyai pelbagai keunikan dan unsur kesenian yang menjadikannya sebagai bentuk drama terapi Melayu di Kampung Laut, Tumpat.

Seterusnya, pengkaji telah menemui responden yang sangat arif mengenai seni persembahan Main Peteri di Kampung Laut, Tumpat iaitu Mohammad Zahiruddin bin Yusoff yang merupakan pewaris dan juga generasi keempat dalam seni tradisional Main Peteri. Beliau telah bergiat aktif dalam seni persembahan ini sejak usianya 9 tahun dan sebelum ini beliau hanya mengikuti arwah ayahnya iaitu Encik Yusoff yang juga merupakan individu yang telah menaikkan seni persembahan tradisional Main Peteri dan juga Wayang Kulit di Kampung Laut, Tumpat. Kini beliau berusia 34 tahun dan bekerja memasang pelamin dan telah mengambil alih seni persembahan tradisional ini namun tidak lagi aktif setelah pemergian ayahnya dan katanya mungkin beliau individu terakhir yang akan mewarisi tradisi ini.

4.1 DAPATAN KAJIAN

4.1.1 Menenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Main Peteri di Tumpat

Persembahan Main Peteri merupakan warisan dan persembahan tradisional yang berasal dari Negeri Kelantan serta masyarakat di Negeri Cik Siti Wan Kembang ini telah sehati dengan tradisi Melayu yang telah lama dimainkan sejak generasi terdahulu. Selain itu, persembahan Main Peteri ini dikatakan telah wujud sejak 6 ribu tahun sebelum masihi lagi. Seperti yang telah diketahui fungsi main Peteri ini adalah sebagai rawatan penyakit

dan juga menjadi salah satu bentuk hiburan kepada masyarakat. Berdasarkan kajian oleh Aida Nurul Ain Abd Rahman (2017), beliau telah menyatakan mengenai permainan tradisional Main Peteri memberi kesan pada emosi dan jasmani kepada pesakit selain memartabatkan persembahan Main Peteri sebagai bentuk drama terapi Melayu.

Menurut Encik Mohammad Zahiruddin bin Yusoff, Main Peteri telah berkembang di Tumpat, Kelantan sebelum kedatangan Islam lagi. Justeru itu, kita dapat lihat bagaimana ritual dan upacara yang dimainkan semasa rawatan mempunyai unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Hal ini kerana, terdapat beberapa proses dalam main Peteri dijalankan dimulai dengan memainkan lagu-lagu serta diiringi dengan elemen-elemen muzik dan seterusnya bacaan mantra. Dalam proses bacaan mantra itu, Encik Mohammad Zahiruddin menjelaskan padi akan dibakar selain beras kunyit akan ditabur di keliling tempat persembahan yang akan dijalankan. Selain itu, watak utama iaitu Tok Teri akan menjadi tidak sedar apabila sesi 'rawatan' berlangsung dan upacara berkenaan akan diiringi dengan lagu yang dimainkan oleh pengikutnya yang lain. Menurut Mohammad Nazzri bin Ahmad (2017), beliau menganggap rawatan Main Peteri ini sudah lama diamalkan oleh masyarakat Melayu pada masa dahulu dan asal ususnya dikatakan bermula pada zaman Puteri Saadong lagi. Upacara yang bertujuan untuk merawat pesakit ini jelas bertentangan dengan ajaran agama Islam dan kini boleh dikatakan semakin tiada dalam kalangan masyarakat kita.



Gambar 2: Beras Kunyit Bahan Yang Digunakan Dalam Main Peteri

Sumber: Google Images, 2015



Gambar 3: Iringan Lagu Oleh Pengikut Tok Teri

Sumber: Google Images, 2015

Selain itu, kepercayaan masyarakat terdahulu terhadap elemen-elemen magis bagi menyembuhkan pesakit dalam Main Peteri ini sangat tinggi kerana penggunaan magis sebenarnya merupakan sebahagian daripada kepercayaan masyarakat pada masa itu. Kita juga telah mengetahui mengenai kepercayaan masyarakat dahulu terhadap animisme dan kuasa ghaib yang dianggap akan membantu mereka serta mempercayai semangat alam. Menurut Muhammad Jailani Abu Talib (2010), beliau berpendapat sejak dahulu lagi, dalam kalangan masyarakat Melayu sememangnya mempercayai kepada animisme kerana mereka amat percaya akan kewujudan anasir ghaib dan makhluk halus selain adanya kuasa-kuasa magis yang diamalkan dan digunakan dalam masyarakat pada masa itu. Seterusnya, beliau turut menerangkan mengenai lima bentuk kepercayaan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu seperti ayat suci al-Quran, percaya kepada Allah dan Rasul, sihir, semangat serta penggunaan magis.

Seterusnya, pengkaji telah bertanyakan soalan mengenai warisan tradisional ini akan diperturunkan untuk generasi seterusnya. Menurut beliau, Main Peteri akan terus diwariskan kepada golongan pada masa kini adalah agar sukar dan kebarangkalian tidak lagi akan diwarisi oleh generasi muda kerana pelbagai faktor. Antaranya ialah minat generasi kini terhadap Main Peteri tidak lagi menjadi keutamaan dan Main Peteri ini telah

diharamkan kerana bertentangan dengan ajaran agama Islam juga merupakan sebab tiada lagi pewaris bagi seni persembahan ini. Beliau juga menyatakan selepas beliau, berkemungkinan tiada lagi pewaris kepada generasi dalam keluarganya dan Encik Mohammad Zahiruddin menganggap dialah yang terakhir akan meneruskan seni Main Teri selepas arwah ayahnya.



Gambar 4: Temubual Bersama Encik Mohammad Zahiruddin

Sumber: Google Meet

Di samping itu, beliau telah terlibat dalam seni Main Peteri sejak muda lagi. Encik Mohammad Zahiruddin mula menceburi diri dalam seni persembahan Main Peteri ini ketika berusia 9 tahun kerana pada ketika itu, beliau sering mengikuti arwah ayahnya. Beliau berkata *“Sayo maso umur lebih kure tingkate pat gitu start doh minat Main Teri ni. Sekalo akea ikut ayoh la. Pahtu maso koho besar sikit gak sayo start doh la main alat muzik dalam Main Teri ni. Terima kasih jugok ko arwah ayoh sebab dia banyak tolong buwi tunjuk ajar dengan asah bakat sayo sebenanyo”*. Seterusnya, Encik Mohammad

Zahiruddin telah menyertai kumpulan Sri Cahaya Kampung Laut sehingga membawanya menjelajah negeri dan mengembangkan lagi seni Main Peteri ini. Sejak itu, beliau telah mahir dan makin mengetahui akan selok belok tentang drama dan pementasan seni persembahan Main Peteri. Secara tidak langsung, beliau juga perlu mendalami watak-watak seperti Tok Puteri dan Tok Minduk yang merupakan watak utama dalam upacara perubatan ini.

Kebiasaannya, proses pemujaan akan disediakan lebih awal oleh Tok Puteri dengan menjamu ayam panggang, pulut kuning dan sebagainya. Penyediaan ini dilakukan bagi memberi semangat kepada pesakit setelah disuap pulut tersebut. Namun begitu, terdapat juga bahan simbolik yang digunakan dalam pemujaan yang dilakukan seperti daun sirih, air bunga serta kemenyan. Menurut beliau lagi, kini masyarakat Tumpat sebenarnya tidak banyak yang mengekalkan dan memainkan seni persembahan Main Peteri ini kerana mengikut peredaran masa yang kian moden dan upacara ini telah diharamkan oleh kerajaan Negeri Kelantan kerana bertentangan dengan agama Islam walaupun seni tradisional ini diiktiraf oleh UNESCO menurut sumber dari Harian Metro.



Gambar 5: Kemenyan

Sumber: Harian Metro



Gambar 6: Daun Sireh

Sumber: Google Images

Akhir sekali, Encik Mohammad Zahiruddin bin Yusoff berharap khazanah warisan kita dapat dikekalkan sehingga generasi yang akan datang. Selain itu, beliau berharap generasi kini perlu menjaga dan memelihara warisan yang sekian lama melatari kehidupan masyarakat. Walaupun persembahan Main Peteri tidak lagi diamalkan di Tumpat tetapi perkara yang unik dalam persembahan tersebut juga mempunyai unsur drama moden seperti tarian dan muzik yang seharusnya kita pelihara dan dikekalkan.

Walaupun Main Peteri diharamkan kerana bercanggah dengan agama Islam, tetapi kita perlu pelihara warisan kita dari segi persembahan moden, alat dan muzik, pakaian dan sebagainya. Contohnya, ritual yang digunakan seperti bacaan mantera atau upacara sebelum persembahan dimulakan dengan menjamu ayam panggang, kemenyan dan pulut kuning sudah lama tidak dilakukan. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan supaya matlamat untuk mengekalkan persembahan Main Pateri dalam kalangan masyarakat di Tumpat, Kelantan dapat dikekalkan. Khazanah negara kita perlu pelihara supaya generasi akan datang juga dapat merasai dan bangga dengan aset yang ada di Malaysia.

4.2 DAPATAN KAJIAN

4.2.1 Membincangkan Langkah Dan Usaha Untuk Mengekalkan Persembahan Main Peteri Di Tumpat

Main Peteri merupakan seni persembahan tradisional yang masih kekal dalam masyarakat Negeri Kelantan namun tidak dimainkan atau aktif seperti dahulu kerana telah diharamkan kerajaan Negeri Kelantan kerana bercanggah dengan ajaran Islam. Namun begitu, terdapat usaha yang dilakukan oleh pihak tertentu seperti pelancong dan kebudayaan negeri supaya warisan ini tidak luput ditelan zaman. Namun begitu, sudah semestinya perubahan dalam persembahan atau acara Main Peteri ini diubah sedikit iaitu dengan membuang unsur-unsur syirik dan khurafat yang ada dalam persembahan Main Peteri ini. Jelaslah, Main Peteri hanya dimainkan sekadar hiburan serta menjadi pementasan teater dan persembahan yang lebih moden khusus kepada program atau festival yang dijalankan di Negeri Kelantan amnya.

Seterusnya, persembahan teater bukan sekadar untuk hiburan kepada penonton dengan perubahan gaya dan watak tetapi turut memberi nilai estetika dan memupuk nilai yang positif yang penuh dengan nilai-nilai murni dan memupuk minat khalayak umum yang bersesuaian dengan zaman yang kian moden. Menurut Andika Aziz Hussin, seni teater merupakan seni yang kompleks. Menerusi teater, ia mempunyai kepelbagaian konsep dan seni dalamnya seperti tarian, nyanyian, lakonan dan sebagainya. Selain itu, teater juga lebih bersifat kolektif dan memerlukan tenaga kerja yang ramai daripada semua pihak dalam sesebuah produksi tersebut untuk menjayakannya.

Di samping itu, dalam usaha untuk mengekalkan persembahan Main Peteri ini masih dilakukan oleh Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan dan juga pihak-pihak berwajib atau yang mempunyai pengalaman dalam seni persembahan ini perlu diketengahkan supaya persembahan Main Peteri ini terus dikekalkan sebagai ikon warisan Negeri Kelantan. Langkah untuk mengekalkan seni persembahan tradisional sebegini harus dilakukan kerana generasi kini kurang berminat dan sambutan yang

diterima juga tidak seberapa. Hal ini sebenarnya akan menggugat seni persembahan Main Peteri apabila tiada pelapis di masa hadapan untuk meneruskan legasi warisan ini.

Walau bagaimanapun, pihak JKKN Kelantan terus mengadakan program atau festival supaya dapat menarik minat terhadap seni persembahan Main Peteri ini. Selain itu, pihak JKKN Kelantan juga akan bekerjasama dengan pihak sekolah supaya program pada peringkat sekolah dapat dijalankan dan ini secara tidak langsung akan menarik minat pelajar sekolah dan seterusnya mendapat pendedahan mengenai warisan dan dapat dikekalkan sehingga generasi seterusnya. Selain itu, ibu bapa juga perlu menggalakkan anak-anak mereka dan memberi pendedahan kepada program yang dijalankan serta tidak perlu risau akan bercanggah dengan ajaran agama Islam kerana tiada lagi unsur-unsur khurafat dan pemujaan dan ia lebih kepada seni persembahan moden, drama, pakaian dan alat muzik yang digunakan dalam persembahan tersebut. Jelaslah, program sebegini akan mendidik generasi muda untuk mempelajari akan warisan budaya dan seterusnya dapat mengekalkannya. Sebagai contoh, di peringkat sekolah rendah telah menyediakan latihan secara percuma kepada pelajar yang berminat dengan warisan supaya bakat mereka dapat diasah dan diserap ke peringkat lebih tinggi.



Gambar 7: Dewan Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan

Sumber: Google Images

Di samping itu, program tahunan atau persembahan secara percuma juga sering diadakan supaya menarik minat pengunjung serta penggiat seni persembahan Main Peteri ini dapat mempamerkan kemahiran yang ada. Selain itu, program sebegini dapat menarik minat pelancong dari luar negara dan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan ekonomi negara di samping dapat diperkenalkan lagi warisan tradisional kita ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini kerana, Main Peteri telah diiktiraf oleh UNESCO pada tahun 25 November 2005 dan pelancong negara luar sebenarnya sangat berminat dan teruja dengan seni persembahan ini. Program untuk mempromosikan seni persembahan Main Peteri ini boleh dilakukan dalam pelbagai platform yang ada misalnya *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp* dan sebagainya. Oleh itu, dengan adanya platform sebegini dapat memperluaskan lagi aktiviti yang dijalankan atau program-program yang dijalankan.

Selain itu, dalam usaha untuk mengekalkan Main Peteri ini, masyarakat dapat melibatkan diri dalam persembahan Main Peteri sebagaimana yang telah dilakukan oleh pihak-pihak yang berwajib. Contohnya, bengkel di peringkat sekolah menengah atah institusi pengajian tinggi juga menjadi satu langkah yang positif. Bengkel yang dilaksanakan ini akan memberi pengetahuan serta pendedahan secara praktikal dan teori mengenai Main Peteri yang dianggap masyarakat sebagai rawatan dan pemujaan. Sebenarnya kini tiada lagi perkara mistik yang diterapkan dan sebenarnya Main Peteri ini lebih kepada persembahan, tarian, alat dan muzik serta pakaian yang digunakan pada watak-watak dalam Main Peteri itu sendiri. Misalnya, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) telah mengenengahkan warisan dan budaya Main Peteri yang dilihat semakin dilupakan masyarakat terutamanya masyarakat di Negeri Kelantan. Dengan adanya teknologi dan perkembangan moden dalam perubatan menyebabkan masyarakat tidak lagi menganggap Main Peteri sebagai rawatan tradisional. Namun begitu, perlu diingat seni persembahan tradisional ini merupakan khazanah negara kita dan alat-alatan serta pakaian yang diguna dalam persembahan Main Peteri menjadi aset penting dalam warisan negara kita.

KELANTAN



Gambar 8: Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

Sumber: Harian Metro



Gambar 9: Pakaian dan Alatan Muzik Persembahan Main Peteri

Sumber: Google Images

Tuntasnya, langkah dan usaha untuk mengekalkan persembahan Main Peteri perlu dilakukan oleh semua pihak berwajib seperti Jabatan Dan Kebudayaan Negeri Kelantan supaya warisan ini terus dikekalkan sehingga kepada generasi akan datang. Selain itu, pihak sekolah juga memainkan peranan penting dalam usaha memupuk minat

dalam kalangan pelajar dan memberi pengetahuan berkaitan persembahan Main Peteri ini.

Selain itu, program yang dijalankan perlu diteruskan terutamanya untuk menarik minat golongan muda yang akan menjadi pewaris kepada warisan negara kita ini terutamanya masyarakat di Negeri Kelantan. Justeru itu, peranan ini perlu dilakukan dengan segera dan program perlu dijalankan di semua peringkat termasuklah di universiti di seluruh Malaysia.

Organisasi yang terlibat juga perlu memainkan peranan untuk menarik setiap lapisan masyarakat seperti mengadakan program promosi hari keluarga dan persembahan secara percuma yang dilihat dapat menarik lagi minat masyarakat kita terhadap warisan yang ada di negara ini.


4.3 PENERIMAAN MASYARAKAT KINI TERHADAP MAIN PETERI TERUTAMANYA DI TUMPAT

Dalam bahagian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mendapatkan data objektif yang telah ditetapkan dengan menggunakan borang soal selidik melalui *Google Form* kerana penularan wabak Covid-19 telah menyukarkan pengkaji untuk ke lokasi kajian. Sebanyak 72 orang responden telah mengisi borang soal selidik ini serta dapat membincangkan hasil analisa data objektif kajian yang akan dijelaskan di bawah.

MALAYSIA
KELANTAN

4.3.1 Bahagian A: Demografi Responden


i) Umur



Carta Pai 1: Umur Responden


Hasil daripada analisis peringkat umur mendapati bahawa majoriti responden terdiri daripada yang berusia antara 19 sehingga 29 tahun iaitu melibatkan seramai 69 orang (95.8%), 2 orang responden berusia 18 tahun ke bawah iaitu dengan peratusan sebanyak 2.8% dan 1 orang responden berusia 50 tahun ke atas sebanyak 1.8%. Jelaslah dapat dilihat majoriti responden terdiri daripada dewasa.

Seterusnya, analisis kajian mendapati majoriti responden terdiri daripada kaum wanita iaitu seramai 44 orang (61.1%) manakala kaum lelaki adalah seramai 28 orang (38.9%). Selain itu, seramai 72 responden ini majoritinya berbangsa Melayu iaitu sebanyak 97.2% dan kaum Cina serta bumiputera 1.4%.



Carta Pai 2: Jantina Responden

Sumber: Google Form




Carta Pai 3: Bangsa Responden

Sumber: Google Form

Selain itu, hasil daripada dapatan kajian mendapati sebahagian besar responden sebenarnya adalah pelajar seramai 53 orang iaitu mewakili peratusan 73.6%. Hal ini kerana, mereka lebih tertarik dengan soalan berkaitan Main Peteri kerana telah didedahkan di institusi pengajian serta pernah melihat sendiri seni persembahan ini yang mana pernah dianjurkan oleh pihak JKKN Kelantan. Manakala, responden bekerja swasta dan tidak bekerja pula berkongsi peratusan yang sama iaitu sebanyak 8.3%, 6 orang

bekerja sendiri iaitu mewakili peratusan sebanyak 6.9% kerana kawasan kajian ini kebanyakannya ramai usahawan dan tidak hairanlah jika data menunjukkan sebilangan responden bekerja sendiri dan yang terakhir ialah bekerja kerajaan iaitu sebanyak 2.8% (2 orang responden).


Di samping itu, penduduk yang juga merupakan responden dalam kajian ini kebanyakannya telah menetap di Tumpat 1 hingga 5 tahun iaitu seramai 36 orang (50%). Hal ini kerana, mereka merupakan pelajar universiti dan menetap disebabkan oleh pekerjaan. Seterusnya, penduduk yang menetap lebih 10 tahun boleh dikatakan penduduk asal iaitu seramai 27 orang dengan peratusan sebanyak 37.5% dan 5 hingga 10 tahun pula adalah seramai 9 orang dengan peratusan sebanyak 12.5%.



Carta Pai 4: Taraf Pekerjaan Responden

Sumber: Google Form

Analisis data berikutnya yang juga merupakan soalan terakhir bahagian A untuk demografi ialah tahap pendidikan responden yang mana pengkaji mendapati majoriti merupakan pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 59 orang dengan peratusan sebanyak 81.9%, diikuti dengan Sijil Tinggi Pengajian Menengah dan Diploma iaitu seramai 8 orang dengan peratusan sebanyak 11.1% dan yang terakhir ialah sijil iaitu seramai 3 orang dan Ijazah Sarjana seramai 2 orang sebanyak 2.8%.



Carta Pai 5: Taraf Pendidikan Responden

Sumber: Google Form

4.3.2 Bahagian B: Kesedaran Masyarakat Mengenai Main Peteri Di Tumpat

Dalam bahagian ini, pengkaji telah mengeluarkan soalan kepada responden iaitu mengenai sejauhmanakah pengetahuan dan penerimaan masyarakat terhadap Main Peteri di Tumpat. Hasil analisis daripada soalan yang pertama daripada responden iaitu adakah mereka mengetahui tentang seni persembahan Main Peteri di Kelantan, telah memperlihatkan majoriti sebenarnya sangat setuju dengan pengetahuan kewujudan seni persembahan Main Peteri ini terutamanya golongan muda. Sebenarnya mereka mengetahui tetapi tidak mengambil cakna mengenai Main Peteri ini kerana bagi mereka, Main Peteri merupakan persembahan yang lama dan bukanlah berkembang pada zaman mereka. Justeru itu, tidak hairanlah mengapa golongan muda ini mengetahui akan kewujudan persembahan Main Peteri ini kerana rata-ratanya merupakan pelajar dan mereka telah didedahkan tentang warisan di peringkat institusi pendidikan amnya. Dapat dilihat kebanyakan responden bersetuju adalah seramai 22 orang atau dengan peratusan sebanyak 30.6%, sangat setuju 21 orang (29.2%) dan selebihnya tidak setuju hanya 4 orang dengan purata 5.6%.



Graf 1: Soalan Mengenai Adakah Main Peteri Diamalkan

Sumber: Google Form

Seterusnya, soalan mengenai kawasan Tumpat masih ada yang mengamalkan seni persembahan Main Peteri. 72 orang responden bersetuju bahawa masih ada kelompok yang mengamalkan seni persembahan Main Pateri. Sebenarnya dengan purata umur responden yang berusia 19-29, tidak semua yang mengetahui kelompok yang mengamalkan Main Peteri sudah berkurang namun masih ada yang mewarisinya daripada keluarga dan sebagainya. Beberapa kelompok yang mengamalkan seni persembahan ini bukan bertujuan untuk berubat tetapi lebih kepada pendedahan ilmu Main Peteri kepada masyarakat atau bengkel dengan sekolah di sekitar Tumpat dan juga bakat mereka yang digunakan pada persembahan teater misalnya di Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan. Terdapat majoriti memilih setuju dengan kelompok yang masih mengamalkan Main Pateri tetapi bukan melalui kaedah berubat dan mempunyai upacara yang bertentangan dengan akidah ajaran Islam. Sebanyak 25 orang memilih setuju dan sangat setuju dengan purata 50% dan yang selebihnya tidak setuju kerana mereka tidak mengetahui mengenai seni persembahan Main Peteri ini.

Selain itu, soalan yang diajukan mengenai tujuan Main Peteri dilakukan sebagai proses perubahan tradisional. Hampir 90% responden sebanyak 66 orang mengetahui seni

persembahan ini merupakan rawatan tradisional untuk merawat sakit tertentu manakala 6 orang dengan purata 8.3% tidak setuju dengan Main Peteri sebagai proses rawatan tradisional. Seperti yang responden juga ketahui, persembahan Main Peteri ini bertujuan merawat pesakit. Seperti yang diketahui, terdapat proses untuk merawat pesakit seperti Tuan Puteri dan Tok Minduk akan bermain alat muzik mereka iaitu rebab sebelum mereka ini tidak sedarkan diri dan seterusnya bermulalah semangat halus yang akan memasuki diri Tok Minduk untuk menyoal makhluk halus dan bacaan mantera serta pemujaan seperti ayam panggang dan pulut semangat sebagai tanda terima kasih akan dipersembahkan. Selain itu, proses perubatan diselitkan dengan drama yang dipegang oleh watak dalam persembahan ini seperti Tuan Puteri dan Tok Minduk.



Gambar 10: Rawatan Tradisional Main Peteri

Sumber: Aswara Page

Di samping itu, dari sudut warisan budaya pula, keseluruhan responden iaitu seramai 72 orang bersetuju jika Main Peteri ini diteruskan tanpa unsur mistik yang dilihat bercanggah dengan ajaran Islam. Seramai 41 orang bersamaan 56.9% berpendapat upacara ini perlu dilakukan bagi memelihara warisan budaya kita. Sudah semestinya kita perlu memelihara warisan ini supaya generasi akan datang juga dapat merasai kemegahan aset kita apatah lagi pelancong negara luar dilihat sangat teruja dan berminat dengan seni persembahan Main Peteri ini sehingga ia diiktiraf UNESCO merujuk sumber *berita online*. Jelas menunjukkan betapa pentingnya untuk kita kekalkan khazanah negara kita.

Selain itu, seramai 35 orang bersamaan 48.6% berpendapat upacara ini perlu dilakukan kerana ia merupakan warisan budaya tinggalan generasi lalu. Sememangnya kita perlu melakukan upacara persembahan Main Peteri agar ia tidak pupus ditelan zaman. Oleh sebab itulah pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berwajib bagi mempromosikan seni persembahan ini dalam bentuk teater dan bengkel kepada para pelajar agar mereka ini diberikan pendedahan dan sebagainya.

Selain itu, 27 orang (37.5%) responden lagi berpendapat upacara ini patut dilakukan supaya dapat memperkayakan budaya di Negeri Kelantan. Sebagai contoh, dapat kita lihat usaha yang dilakukan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang telah mengenengahkan warisan budaya Main Peteri ini kerana ia dilihat semakin dilupakan oleh masyarakat terutamanya masyarakat di Negeri Kelantan. Berikutnya, seramai 21 orang (29.2%) responden menyatakan upacara persembahan Main Peteri ini perlu dilakukan kerana dapat menghubungkan generasi masa kini dengan masa dahulu.

Soalan berikutnya, pengkaji telah bertanya kepada 72 orang responden tentang kekerapan mereka menyertai mana-mana persembahan Main Peteri ataupun tidak. Dapat dilihat seramai 68 orang iaitu 94.4% yang mana hampir kesemua responden pernah melihat persembahan Main Peteri. Kebanyakan mereka ini melihat persembahan berkenaan semasa pementasan teater di institusi pengajian dan universiti serta ada yang memasuki kelas latihan pementasan teater Main Peteri. Manakala, seramai 4 orang bersamaan 5.6% yang mengamalkan Main Peteri. Hal ini kerana, 4 orang responden ini mewarisi Main Peteri secara turun temurun dan ada yang bermain di pementasan teater.

Akhir sekali, soalan membabitkan adakah Main Peteri perlu didedahkan kepada golongan muda. Dapat dilihat 52 orang responden iaitu bersamaan 72.2% berpendapat bahawa pelajar universiti perlu diberikan pendedahan kerana mereka lebih terbuka dan berpeluang untuk mengambil kesempatan berkarya berbanding pelajar sekolah rendah yang mana responden iaitu seramai 20 orang dengan purata 27.8% berpendapat bahawa

pelajar sekolah rendah sukar untuk menerima permainan Main Peteri ini disebabkan kemampuan mereka berfikir dan bertindak.



Gambar 11: Pementasan Teater Main Peteri 2014 Menarik Minat Dan Mempromosikan Warisan Budaya Kelantan

Sumber: Google Image, 2014

4. 4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, penerimaan masyarakat di Tumpat terhadap seni persembahan Main Peteri masih lagi tinggi terutamanya dalam kalangan generasi muda. Namun begitu, mereka tidak begitu menonjolkan minat mereka terhadap Main Peteri ini. Melalui pengetahuan dan pendapat mereka boleh dikatakan mereka mengetahui secara meluas mengenai seni persembahan Main Peteri ini. Oleh itu, semua pihak perlu bertanggungjawab bagi memastikan warisan kita dapat dikekalkan dan diperturunkan untuk generasi akan datang.

Selain itu, program-program kesedaran dan bengkel untuk mempromosikan seni persembahan Main Peteri perlu diterapkan di peringkat sekolah lagi bagi memastikan generasi muda akan sedar mengenai pentingnya khazanah warisan budaya yang perlu kita pelihara. Seterusnya, program yang telah diusahakan oleh pihak Jabatan Kebudayaan

Negeri Kelantan terutamanya perlu disokong dan ini merupakan langkah yang tepat untuk memartabatkan seni persembahan Main Peteri ini. Program sebegini secara tidak langsung akan menarik lebih ramai masyarakat dan pelancong luar negara untuk hadir dan teruja untuk mengikuti perkembangan warisan budaya kita. Selain itu, ia akan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke destinasi pelancongan yang menarik dan seterusnya pendapatan negara dari segi aspek ekonomi dapat dipertingkatkan juga.

Jelaslah, seni persembahan Main Peteri merupakan warisan tidak ketara yang menjadi ikon bagi Negeri Kelantan dan perlu dijaga oleh generasi kini supaya tidak ditelan oleh arus kemodenan agar ia dapat ditatap oleh generasi akan datang serta dapat meningkatkan lagi industri pelancongan berasaskan warisan di kawasan Tumpat, Kelantan.

BAB V

PENUTUP

5.0 PENGENALAN

Dalam bahagian ini, dapat dilihat bahawa Negara Malaysia sememangnya kaya dengan adat dan resam serta budaya sejak dahulu lagi. Hal ini dapat dilihat melalui seni persembahan tradisional seperti Main Peteri, Kuda Kepang, Ulek Mayang dan sebagainya yang menggambarkan identiti masyarakat di setiap negeri yang ada dalam Malaysia. Seterusnya, seni persembahan merupakan hasil ciptaan masyarakat terdahulu yang mana mereka akan mengaitkan persembahan atau permainan tradisional dengan unsur alam.

Negeri Kelantan yang merupakan sebuah negeri yang sememangnya terkenal dan kaya dengan seni persembahan tradisional, permainan tradisional dan makanan tradisional. Justeru itu, dapat dilihat melalui kesenian yang melatari masyarakat ini termasuklah persembahan Main Peteri telah dicipta dan dijadikan sebagai salah satu medium untuk pengubatan semangat dan kejiwaan pesakit atau lebih dikenali sebagai 'pelepas angin' terhadap pesakit berkenaan dengan iringan tiupan serunai, pukulan rebab serta alatan lain seperti gendang ibu, gendang anak, canang dan sebagainya.

Selain itu, seni persembahan Main Peteri ini mempunyai watak penting dalam menjalankan upacara tersebut seperti Tok Puteri dan Tok Minduk pula akan dibantu

oleh anggota yang lain untuk mengiringi persembahan Main Peteri ini. Di samping itu, terdapat juga ritual yang akan dilakukan seperti menjamu pulut kuning dan ayam panggang serta proses bacaan mantera dan padi akan dibakar selain beras kunyit akan ditabur di keliling tempat persembahan yang dijalankan. Namun begitu, persembahan Main Peteri ini telah diharamkan oleh kerajaan Negeri Kelantan kerana dianggap bertentangan dengan ajaran agama Islam. Walaupun begitu, seni persembahan Main Peteri masih dipersembahkan kepada masyarakat sebagai medium hiburan serta dikekalkan menjadi sebuah persembahan yang menjadi simbol ikonik kepada Negeri Kelantan dan unsur-unsur syirik di dalam persembahan berkenaan telah ditiadakan.

5.1 PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, pengkaji akan merumuskan setiap kajian dalam bab 1 sehinggalah kepada bab 4. Aspek utama yang akan dijelaskan dalam bab 1 ialah menceritakan mengenai seni persembahan Main Peteri sebagai sebuah bentuk drama terapi Melayu. Di samping itu, bab ini juga akan menjelaskan unsur-unsur yang dimainkan dalam persembahan Main Peteri yang dikatakan bercanggah dengan ajaran Islam. Seterusnya, dalam bahagian ini juga akan diterangkan beberapa persoalan kajian. Antaranya ialah bagaimanakah sejarah dan perkembangan Main Peteri di Tumpat, bagaimanakah penerimaan masyarakat kini terhadap Main Peteri terutamanya di Tumpat dan apakah langkah serta usaha untuk mengekalkan seni persembahan Main Peteri di Tumpat. Selain itu, dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan Teori Semiotik. Teori ini telah dipilih kerana bersesuaian dengan kajian iaitu Main Peteri merupakan sebuah seni persembahan yang mana ia merupakan bentuk drama terapi kepada masyarakat dan pertunjukannya yang merangkumi pelbagai aspek.

Seterusnya, dalam bab 2 pengkaji akan menjelaskan mengenai sorotan kajian lepas hasil penemuan pengkaji-pengkaji yang lain. Justeru itu, bab ini akan menjelaskan berkaitan asal usul seni persembahan Main Peteri dan tujuan penggunaannya dalam masyarakat dahulu, penggunaan muzik dalam mengiringi upacara dan sebagainya. Di samping itu, terdapat juga kepercayaan masyarakat Melayu terhadap kewujudan kuasa

ghaib selain penggunaan kuasa magis yang diamalkan dalam masyarakat Melayu pada masa itu. Tuntasnya, dalam bab 2 ini, pengkaji akan menjelaskan beberapa teori simbol yang juga merupakan elemen yang penting yang telah digunakan dalam seni persembahan Main Peteri.

Selain itu, bab 3 pula akan membincangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan untuk kajian ini. Bab ini memperlihatkan bagaimana pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif bagi mencapai kesemua objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Seterusnya, pengkaji juga akan menggunakan teknik pengumpulan data melalui kaedah primer dan sekunder bagi memperolehi maklumat dan data kajian yang lebih tepat. Selain itu, sumber-sumber rujukan seperti majalah, rujukan internet serta kajian kepustakaan juga digunakan supaya maklumat yang diperolehi masih relevan untuk dikembangkan kepada informasi dan formulasi dalam kajian ini.

Manakala dalam bab 4 pula akan menerangkan mengenai dapatan kajian dengan lebih terperinci. Maklumat yang diperolehi adalah hasil daripada temubual dengan pewaris kepada seni persembahan Main Peteri di Kampung Laut, Tumpat iaitu Encik Mohammad Zahiruddin serta mendapatkan data bagi objektif kajian menerusi borang soal selidik iaitu melalui pendekatan *Google Form* kerana penularan wabak Covid-19 dan sebanyak 72 orang responden dipilih secara rawak bagi tujuan mendapatkan data. Selain itu, pengkaji juga telah merumuskan mengenai sejarah dan kepercayaan masyarakat terhadap seni persembahan Main Peteri di Tumpat.

5.2 CADANGAN DAN SARANAN

Seni persembahan Main Peteri yang merupakan seni tradisi Melayu dalam kalangan masyarakat di Negeri Kelantan sehingga kini masih lagi wujud namun bentuk persembahan atau drama yang dimainkan lebih kepada bersifat hiburan supaya warisan ini terus dipelihara. Oleh itu, setelah hasil kajian yang dijalankan, pengkaji boleh memberi beberapa cadangan dan saranan supaya dapat memartabatkan dan mempertahankan seni persembahan Main Peteri ini.

5.2.1 Cadangan Di Peringkat Masyarakat

Masyarakat memainkan peranan yang penting dalam memartabatkan dan mengekalkan warisan seni persembahan tradisional terutamanya di Negeri Kelantan. Justeru itu, setiap komuniti setempat perlu bersikap proaktif dalam menjayakan program ini. Sebagai contoh di Kampung Laut, Tumpat mereka mempunyai persatuan dan kumpulan bernama Sri Cahaya Kampung Laut yang memainkan peranan untuk melakukan persembahan Main Peteri. Hal ini secara tidak langsung akan menarik minat masyarakat untuk mengetahui tentang Main Peteri sebagai salah satu drama yang berbentuk terapi Melayu.

Selain itu, penduduk setempat dan persatuan tempatan juga dapat menjana pendapatan hasil daripada tarikan seni persembahan Main Pateri ini secara lebih meluas kepada pelancong dalam dan luar negara serta secara tidak langsung, perkara ini dapat mengekalkan persembahan tradisional ini. Di samping itu, semua pihak perlu bekerjasama dengan institusi berwajib supaya dapat membantu pengusaha kecil-kecilan terutamanya untuk mendapatkan infrastruktur yang baik agar dapat mempromosikan seni persembahan Main Peteri ke peringkat yang lebih tinggi.

5.2.2 Cadangan Di Peringkat Sekolah dan Universiti

Di peringkat sekolah dan universiti dapat meningkatkan ilmu pengetahuan serta minat yang lebih mendalam dalam kalangan pelajar mengenai warisan tradisional ini. Oleh itu, pelbagai program perlu dianjurkan di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti dalam usaha menarik minat generasi muda terutamanya untuk melibatkan diri dengan seni persembahan ini dan dipraktikkan kepada masyarakat. Sebagai contoh, di peringkat sekolah kebiasaannya bengkel akan dianjurkan agar dapat mendedahkan pengetahuan secara praktikal mengenai seni persembahan Main Peteri yang dianggap mempunyai unsur pemujaan dan sebagainya. Namun begitu, dikatakan tiada lagi unsur mistik di dalam persembahan ini kerana telah dibuang unsur mistiknya.

Manakala di peringkat universiti pula, pelajar perlu didedahkan dengan pelbagai penerangan daripada pensyarah serta dapat memasuki program seperti teater dan aktiviti kokurikulum yang berkaitan dengan warisan tradisional. Hal ini akan dapat mengekalkan nilai estetika yang ada pada seni persembahan termasuklah dalam Main Peteri dan pelajar boleh mengenengahkan bakat yang ada pada persembahan, tarian, alat muzik dan pakaian yang dikenakan. Secara tidak langsung, generasi muda akan berminat untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan seni persembahan ini. Sebagai contoh, dapat dilihat bagaimana Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) sentiasa mengenengahkan warisan tradisional termasuklah Main Peteri ini kepada setiap lapisan masyarakat supaya khazanah negara kita ini terus terpelihara dan dapat dikekalkan.

5.2.3 Cadangan Di Peringkat Kerajaan

Seni persembahan Main Peteri perlu dijaga dan dipelihara oleh pihak kerajaan supaya generasi akan datang dapat melihatnya. Oleh itu, selain masyarakat dan institusi Pendidikan, pihak kerajaan juga memainkan peranan yang besar dalam usaha memartabatkan seni persembahan tradisional ini. Misalnya, pihak Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan (JKKN) serta pihak berwajib yang lain perlu menjadikan Main Peteri ini sebagai salah satu ikon warisan Negeri Kelantan kepada masyarakat. Selain itu, pihak kerajaan perlu mencari pelapis-pelapis baharu agar mereka dapat mewarisi warisan ini. Di samping itu, pihak kerajaan Negeri Kelantan perlu sentiasa mengadakan program serta festival tahunan supaya dapat menarik minat masyarakat terhadap seni persembahan Main Peteri terutamanya generasi muda.

Seterusnya, pihak JKKN Kelantan perlu sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah dan universiti dalam program yang direncanakan sebagai pendedahan awal mengenai sesuatu warisan seni persembahan yang ada di Kelantan termasuklah Main Peteri ini. Selain itu juga, di peringkat sekolah rendah, biasanya mereka mempunyai bengkel dan latihan secara percuma supaya bakat ini dapat diketengahkan di masa hadapan.

Tuntasnya, mempromosikan persembahan Main Peteri juga merupakan salah satu faktor untuk menarik minat masyarakat seperti persembahan yang kebiasaannya dimainkan di dewan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri (JKKN) Kelantan. Di samping itu, pihak kerajaan boleh menggunakan platform media sosial untuk mempromosikan seni persembahan ini dan ini secara tidak langsung dapat menarik minat pelancong dari luar amnya supaya mereka mengetahui serba sedikit akan seni persembahan tradisional ini.

5.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji telah menjelaskan secara terperinci dan menyeluruh dalam setiap bab penyelidikan yang telah dilakukan berkaitan seni persembahan Main Peteri di Tumpat. Dalam kajian ini, matlamat utama objektif kajian telah dicapai serta pengkaji telah mengetahui dengan lebih jelas mengenai sejarah dan perkembangan seni persembahan Main Peteri di Tumpat. Selain itu, terdapat perkara baru yang telah pengkaji kenalpasti berkaitan kepercayaan masyarakat terhadap unsur ghaib dan menerapkan ilmu magis dalam kehidupan seharian pada zaman dahulu. Justeru itu, keseluruhan kajian ini mendapati pelbagai usaha yang dilakukan oleh semua pihak untuk mengekalkan warisan seni persembahan Main Peteri di Kelantan perlu dipergiatkan lagi.

Seterusnya, untuk mendapatkan maklumat mengenai seni persembahan Main Peteri, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah dengan membuat proses pengumpulan data melalui individu yang berpengalaman dalam seni persembahan Main Peteri dan masyarakat di sekitar Tumpat. Pendekatan yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi tujuan memperolehi maklumat dengan lebih tepat melalui responden. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan objektif kajian ini telah dicapai oleh pengkaji. Analisis menunjukkan masyarakat di Tumpat terutamanya generasi muda mengetahui kewujudan Main Peteri namun tidak mengambil cakna mengenainya dan rata-rata responden merupakan pelajar yang telah didedahkan dengan persembahan ini di peringkat institusi pendidikan.

Oleh itu, pengkaji berharap hasil daripada kajian ini dapat memberi sumber rujukan kepada setiap lapisan masyarakat serta pengkaji yang lain mengenai seni persembahan Main Peteri di Negeri Kelantan khususnya di daerah Tumpat. Seperti yang telah diketahui, Main Peteri merupakan antara ikon masyarakat Negeri Kelantan yang perlu mendapat perhatian daripada setiap lapisan masyarakat. Di samping itu, kajian ini menunjukkan perbezaan peranan yang telah dimainkan mengikut peredaran zaman. Justeru itu, semua pihak perlu bekerjasama dalam menjaga dan memelihara warisan tradisional ini supaya dikekalkan sehingga generasi akan datang. Selain program kesedaran dan bengkel untuk mempromosikan seni persembahan Main Peteri ini perlu diteruskan di semua peringkat, kesedaran mengenai khazanah warisan budaya ini juga perlu dilakukan agar ia terus diangkat sehingga ke peringkat global.

BIBLIOGRAFI

- Creswell, J., W. (2009). *Research Design, Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches*. London: SAGE Publications Ltd
- Creswell, J. W. & Plano Clark. V. L. (2007). *Designing And Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks. CA: Sage
- Demarrais, E., & Robb, J. (2013). *Art Makes Society: An Introductory Visual World Art* 2013 Vol. 3, No 1, 3-22
- Firth, R. (1967). *Ritual And Drama In Malay Spirit Mediumship*. *Comparative Studies In Society And History*, Vol. 9, No. 2, pp. 190-207
- Galeri Kelate. Capaian di Laman Web <http://kelateori.blogspot.com/2010/12/budaya-main-teri-main-puteri.html>
- Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara <https://pemetaanbudaya.my/culture/dis/502>
- Kris Budiman. (1999). *Kosa Semiotika*. Yogyakarta: LKIS
- Mohd. Taib Osman. *The Bomoh And The Practice Of Malay Medicine*. *South East Asian Rev. I(L)*, 1626, 1976
- Noriah Taslim. (2007). *Mekanisme Kuasa Dalam Mantera: Satu Analisis Dari Pendekatan Pragmatik*. *Pandangan Semesta Melayu Mantera*. Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Rogayah A. Hamid dan Mariyam Salim (peny). (2000). Pandangan Semesta Melayu Mantera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Solehah Ishak, “Main Peteri: Satu Permaianandan Produksi Lakon” In Solehah Ishak (Ed). 2010. Seni Dan Budaya Kelantan. Persatuan Muzium Malaysia: Kuala Lumpur, pps.102-126



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN

SOALAN TEMUBUAL

Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Main Peteri Di Tumpat

- a) Bagaimana main peteri ini telah datang ke Tanah Melayu/Malaysia sehingga berada di Tumpat, Kelantan?
- b) Bagaimana main peteri ini mula berkembang di Tumpat, Kelantan dan mula popular di seluruh negara?
- c) Adakah main Peteri ini akan terus diwariskan kepada golongan sekarang?
- d) Bagaimana tuan/puan boleh terlibat dalam main Peteri ini ?
- e) Berapa ramai masyarakat di Tumpat yang masih mengekalkan main Peteri ini selain tuan/puan?

Membincangkan Langkah Dan Usaha Untuk Mengekalkan Persembahan Main Peteri Di Tumpat

- a) Main peteri merupakan warisan tidak ketara yang perlu dipelihara, bagi pendapat tuan/puan, apakah langkah yang sesuai untuk kita melindungi warisan ini?
- b) Golongan muda merupakan pewaris bagi warisan sesuatu bangsa jadi, apakah usaha yang sesuai yang perlu dilakukan oleh golongan ini dalam memelihara serta memperkenalkan kembali main peteri ini kepada masyarakat di luar sana?

- c) Bagaimana pula dengan langkah untuk mempromosikan dan menarik perhatian orang ramai terhadap persembahan ini bagi memastikan ianya kekal relevan dan mendapat tempat di kalangan generasi muda hari ini?
- d) Apakah perancangan di masa hadapan terhadap persembahan main Peteri di Tumpat?

Mengkaji Penerimaan Masyarakat Kini Terhadap Main Peteri Terutamanya Di Tumpat

- a) Adakah anda mengetahui tentang Seni Persembahan Main Peteri yang dimainkan di kelantan?
- b) Adakah anda tahu bahawa di tumpat wujud kelompok yang masih mengamalkan Seni Persembahan Main Peteri?
- c) Adakah anda tahu bahawa tujuan Main Peteri dilakukan adalah untuk proses perubahan secara tradisional?
- d) Pada pendapat anda adakah perubahan tradisional Main Peteri ini masih lagi relevan pada waktu ketika ini?
- e) Dari sudut warisan budaya, adakah persembahan Main Peteri ini wajar diteruskan?
- f) Adakah anda pernah menyertai mana-mana persembahan Main Peteri?
- g) Adakah main peteri ini perlu didedahkan pada golongan muda?

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



MENGENAL PENERIMAAN MASYARAKAT KINI TERHADAP MAIN PETERI TERUTAMANYA DI TUMPAT

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Soal selidik ini diedarkan bertujuan untuk mendapatkan data bagi menyempurnakan Projek Tahun Akhir Bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Keujian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).


Soal selidik ini juga dijalankan bagi mendapatkan maklum balas daripada masyarakat yang tinggal di Tumpat, Kelantan mengenai penerimaan masyarakat kini terhadap Main Peteri terutamanya di Tumpat. Soal selidik ini juga mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan dan hanya digunakan atas kepentingan kajian ini sahaja. Kerjasama daripada anda dalam menjawab soal selidik ini secara jujur dan lengkap amat dihargai.

Terima Kasih.

BAHAGIAN A: Maklumat responden

Umur	18 Tahun dan ke Bawah	
	19 - 29 Tahun	
	30 - 39 Tahun	
	40 - 49 Tahun	
	50 Tahun dan ke Atas	
Jantina	Lelaki	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
	Perempuan	
Bangsa	Melayu	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
	Cina	
	India	
	Bumiputera	
Pekerjaan	Kerajaan	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
	Swasta	
	Bekerja Sendiri	
	Pelajar	
	Tidak Bekerja	



Tahap Pendidikan

Pendidikan Rendah

Pendidikan Menengah

Sijil

STPM/Diploma dan setaraf

Ijazah Sarjana Muda

Ijazah Sarjana

Doktor Falsafah

BAHAGIAN B: Mengkaji penerimaan masyarakat kini terhadap Main Peteri terutamanya di Tumpat.

- 1) Adakah anda mengetahui tentang Seni Persembahan Main Peteri yang dimainkan di kelantan?

Sangat Tidak Setuju

Sangat Setuju

- 2) Adakah anda tahu bahawa di tumpat wujud kelompok yang masih mengamalkan Seni Persembahan Main Peteri?

Sangat Tidak Setuju

Sangat Setuju

- 3) Adakah anda tahu bahawa tujuan Main Peteri dilakukan adalah untuk proses perubahan secara tradisional?

Sangat Tidak Setuju

Sangat Setuju

- 4) Pada pendapat anda adakah perubahan tradisioanal Main Peteri ini masih lagi relevan pada waktu ketika ini?

Sangat Tidak Setuju

Sangat Setuju

- 5) Dari sudut warisan budaya, adakah persembahan Main Peteri ini wajar diteruskan?

- 6) Adakah anda pernah menyertai mana-mana persembahan Main Peteri?

- 7) Adakah main peteri ini perlu didedahkan pada golongan muda?

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN